AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

# قليتا بروني
# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 7 | RABU 15 FEBRUARI, 1984. | رابو 13 جمادي الاول 1404 | PERCUMA

**PERUTUSAN Y.B. Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz sempena Kempen Minggu Kesihatan Kebangsaan 1984.**

SAYA amat sukacita untuk menyampaikan perutusan bagi Minggu Kesihatan Nasional pada tahun ini.

Alam sekitar yang bersih adalah perkara yang utama dalam perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan bagi Negara yang sihat dan tema bagi tahun ini yang berbunyi "Jagalah Kebersihan Negara Brunei Darussalam — Jangan Mengotor" adalah bertepatan masanya pada ketika mana Negara kita sedang bersiap-siap bagi menyambut perayaan pertama Hari Kebangsaan kita.

Kempen-kempen serupa ini adalah dihasratkan untuk mewujudkan kesedaran yang bertambah dan sikap mengalinga dan bertanggungjawab kalangan penduduk negara ini tentang bahayanya ke atas kesihatan hasil dari alam sekitar yang telah dicemari.

Kempen-kempen ini adalah sebagai urat nadi penggerak bagi meneruskan tindakan dan penyertaan orang ramai untuk mencapai kesihatan melalui usaha-usaha mereka sendiri.

Tujuan atau hasrat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ialah "Kesihatan untuk semua menjelang tahun 2000" saya berharap kempen-kempen ini akan memberikan perangsang bagi memperbaiki tabiat dan anggapan terhadap kesihatan untuk mewujudkan alam sekitar yang lebih bersih supaya kita dapat memandang ke hadapan dengan penuh keyakinan kepada hasrat kesihatan untuk semua menjelang tahun 2000.

Saya berdoa Minggu Kesihatan ini akan mencapai kejayaan, insya-Allah.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama bakal-bakal Pesuruhjaya Tinggi dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam setelah pengurniaan Watikah Perlantikan kepada bakal-bakal diplomat itu di Istana Darul Hana.**

**Dari kiri: Pg Dato Paduka Haji Jaludin, Awang Haji Mohd Kassim, Pengiran Haji Idriss, Awang Haji Jaya, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya dan Dato Paduka Hamid.**

## DYMM kurniakan Watikah Perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan 'Watikah Perlantikan' kepada bakal-bakal Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Besar negara ini ke Amerika Syarikat, Malaysia, Republik Singapura, United Kingdom, Indonesia dan Thailand. Istiadat tersebut berlangsung di Istana Darul Hana pada petang Hari Khamis 9 Februari lepas.

Bakal Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Besar tersebut adalah seperti berikut:

Pengiran Haji Idriss ibni Al-Marhum Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohamed -bakal Duta Besar ke Amerika Syarikat.

Awang Haji Jaya bin Abdul Latif - bakal Pesuruhjaya Tinggi ke Malaysia.

Awang Haji Mohd. Kassim bin Haji Mohd. Daud - bakal Pesuruhjaya Tinggi ke Republik Singapura.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid -bakal Pesuruhjaya Tinggi ke United Kingdom.

Pengiran Dato Paduka Haji Jaludin bin Pengiran Mohd. Limbang - bakal Duta Besar ke Republik Indonesia; dan Dato Paduka Awang Hamid bin Jaafar - bakal Duta Besar ke Thailand.

## BRUNEI JADI AHLI SEAMEO

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jua, maka Negara Brunei Darussalam akan menjadi ahli kepada Pertubuhan Pelajaran Menteri-Menteri Asia Tenggara (SEAMEO), yang mana pada masa ini beribu pejabat di Bangkok.

Pertubuhan SEAMEO mempunyai tugas-tugas yang tertentu yang mana mengandungi :—

(1) Tujuan Pertubuhan tersebut ialah untuk meningkatkan kerjasama antara Negara-Negara Asia Tenggara menerusi pelajaran,

Lihat muka 16

## TAMAKAN PAHALA BENCIKAN DOSA JADIKAN DORONGAN

KAMPONG KILANAS. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awg. Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan Brunei menjelaskan bahawa konsep ugama Islam yang mengajar kita supaya tamak kepada pahala dan benci kepada dosa hendaklah dijadikan sebesar-besar dorongan pada mempastikan kemajuan persekolahan anak-anak dan perkembangan pelajaran di negara ini.

Kata Yang Berhormat, walaupun selama ini kita telah pun melaksanakan dan mencuba berbagai kaedah pendidikan, akan tetapi semangat belajar di kalangan masyarakat masih belum mencapai kemuncak yang memuaskan.

Perkara ini tidak sepatutnya terjadi, tambah Yang Berhormat, kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sangat-sangat mengambil berat atas perkembangan dan kemajuan di bidang pelajaran dengan memberikan peruntukan yang terbesar dan percuma.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan berucap demikian sejurus sebelum merasmikan Bangunan Baru Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolqiah di Kampong Kilanas di Daerah Brunei dan Muara, pada hari Ahad lepas.

"Masalah yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk negara ini bukanlah bagaimana membelanjai atau menyara persekolahan anak-anak, tetapi perkara yang lebih mustahak kita renungkan ialah bagaimana atau apa cara kemudahan-kemudahan pelajaran yang diadakan dapat dimanafaatkan sepenuhnya oleh anak-anak sekolah dan masyarakat bagi kemajuan bidang pelajaran di negara ini," ujar Y.B.

"Di sinilah kita merasakan betapa Islam sebagai cara hidup telah menyediakan jalan keluar yang amat berkesan, kerana konsep tamak kepada pahala itu tidak akan merosak alam persekolahan dan pendidikan," tegas Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan lagi.

Akhirnya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, berharap semoga usaha-usaha Kerajaan dan perbelanjaan yang besar jumlahnya itu tidak akan tersia-sia.

Sejurus sebelum ucapan perasmian dari Yang Berhormat, bacaan al-Quran telah disampaikan oleh Awg. Shahruddin Khairil bin Haji Anuar dan ucapan alu-aluan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Lihat muka 16

## 280 memeluk Islam tahun lepas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 280 orang termasuk kanak-kanak telah didaftarkan memeluk ugama Islam di negara ini sejak awal Januari hingga akhir Disember 1983.

Menurut kenyataan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama puak Iban adalah yang ramai sekali memeluk ugama Islam iaitu 91 orang, diikuti oleh puak Dusun 79 orang, Cina 49 orang dan yang selebihnya terdiri dari bangsa Eropah, India, Filipina dan lain-lain lagi.

Dari jumlah tersebut seramai 121 orang memeluk ugama Islam di Daerah Brunei dan Muara, 96 orang di Daerah Belait, 46 orang di Tutong dan 17 orang di Temburong.

### MANISNYA IMAN

"Dan siapa yang mengerjakan kejahatan atau menganiaya dirinya sendiri, kemudian dia memohon ampun kepada Allah, nescaya akan didapatinya bahawa Allah itu maha pengampun dan penyayang." — Maksud ayat 110 Surah An-Nisa'.

## Bertugas di Jakarta

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang pegawai di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Pg. Abd. Ghani bin Pg. Haji Metusin telah berlepas ke Jakarta, Indonesia semalam untuk bertugas di Pejabat Kedutaan Brunei di sana sebagai Setiausaha Kedua.

Pelita Brunei

15 FEBRUARI, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## Kempen Minggu Kesihatan:

# Faktor lain untuk mewujudkan kebersihan

Tahun ini sekali lagi kita melancarkan kempen yang dinamakan Minggu Kesihatan. Dilihat kepada sasaran kempen itu ialah kerja-kerja pembersihan sampah-sarap maka ia lebih difahami sebagai kempen kebersihan.

Dari segi memelihara kesihatan, langkah yang berterusan memang telah dibuat. Kita dapat menyatakan bahawa di negara ini kesihatan rakyat dan penduduk sangat diberi perhatian oleh Kerajaan. Kita dapat berbangga dengan perkhidmatan kesihatan dan perubatan di mana melaluinya kadar bahaya penyakit-penyakit sangat rendah.

Sungguh pun demikian, kawalan kesihatan adalah tidak terhad setakat mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan. Langkah-langkah lain, terutama sekali yang bertujuan melibatkan penglibatan setiap orang, juga sangat mustahak. Tegasnya kesihatan itu dapat sama diwujudkan dengan setiap orang mengawal dirinya dan persekitarannya dari punca-punca penyakit.

Maka dalam erti kata penglibatan itulah perlunya kempen-kempen dilakukan dari semasa ke semasa. Dan setakat corak kempen yang di adakan kita sangat memberi perhatian kepada sampah-sarap yang mencemari persekitaran kita yang sepatutnya berkeadaan indah dan selesa. Ini memberikan fahaman bahawa matlamat kempen ialah bagi membiasakan setiap orang menghargai kebersihan persekitarannya dan kerananya ia patut sama bertanggungjawab mewujudkan persekitaran yang bukan saja indah bahkan juga bersih dan selesa itu.

Dalam pada itu kebersihan persekitaran adalah juga bergantung kepada banyak faktor. Selain kebiasaan yang setentunya memakan sedikit masa untuk mengasuhnya, maka faktor tindakan oleh pihak-pihak berkenaan Kerajaan juga haruslah terus-menerus diteliti. Maksud kita ialah tindakan yang boleh menjadi contoh kepada orang ramai akan kesungguhan Kerajaan dalam usahanya mengatasi sampah-sarap. Tindakan itu di samping penguatkuasaan undang-undang yang sudah ada ialah juga memikir dan menghalusi keberkesanan usaha yang sedang dijalankan dan keupayaan tenaga di dalamnya. Sebab, sementara sebahagian daripada orang ramai masih belum biasa untuk tidak menjadi punca sampah-sarap maka sudah setentunya kekotoran di mana-mana terutama sekali di tempat-tempat awam perlu dibersihkan. Mahu tidak mahu yang akan membersihkannya bukanlah orang ramai tetapi ialah pihak-pihak berkenaan Kerajaan.

Selain daripada itu kebersihan alam sekitar dalam maknanya yang luas ialah juga melibatkan berbagai-bagai rancangan dan perlaksanaannya, bukan saja di kawasan tertentu dan di tengah atau di pinggir bandar bahkan di seluruh negara. Perkara ini tentu tidak dapat diketarakan kepentingannya menerusi kempen-kempen sebab ia adalah lebih merupakan kesedaran dan kemahuan serta juga keupayaan di peringkat Kerajaan. Kita percaya bahawa seiring dengan meningkatnya kesedaran untuk hidup dalam persekitaran yang bersih di kalangan rakyat maka sebarang pencemaran yang berpunca dari kelalaian atau ketidak cekapan hendaklah diatasi.

Perkara kebersihan di seluruh negara adalah di antara perkara yang orang ramai bukan saja memadai diminta untuk berperanan tetapi juga untuk mendapat contoh teladan.







KEBAWAH D.Y.M.M Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Watikah Perlantikan kepada enam orang bakal diplomat negara ini, dalam satu Istiadat yang diadakan di Istana Darul Hana pada hari Khamis lalu.

Gambar atas kiri : Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengurniakan Watikah Perlantikan kepada Pg Haji Idriss, bakal Duta Besar ke Amerika Syarikat; (Atas kanan) Awang Haji Jaya, bakal Pesuruhjaya Tinggi ke Malaysia; (kiri) Awang Haji Mohd Kassim, bakal Pesuruhjaya Tinggi ke Republik Singapura; (kanan) Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya, bakal Pesuruhjaya Tinggi ke United Kingdom; (bawah kiri) Pg. Dato Paduka Haji Jaludin, bakal Duta Besar ke Indonesia dan (bawah kanan) Dato Paduka Awang Hamid, bakal Duta Besar ke Thailand.







# D.Y.M.M. menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada petang hari Isnin lepas telah berkenan menerima mengadap serombongan ahli-ahli parlimen Thailand yang diketuai oleh Yang Berhormat Awang M. L. Seri Pramoj di Istana Darul Hana.

Berangkat sama ke istiadat itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Setelah sempurna istiadat itu, rombongan itu kemudiannya melakukan kunjungan hormat kepada Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah di pejabat Yang Teramat Mulia di Bangunan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap rombongan Ahli-Ahli Parlimen Thailand di Istana Darul Hana.

# SEKITAR LAWATAN AHLI-AHLI PARLIMEN THAI

ROMBONGAN seramai tujuh orang Ahli-Ahli Parlimen dari Thailand yang diketuai oleh Yang Berhormat Mum Luang Seri Pramoj berlepas pulang pagi ini setelah mengadakan lawatan ke sini.

Ahli-Ahli Parlimen Thailand itu berada di sini selama lima hari sebagai tetamu kepada Yang Amat Mulia Pengiran Speaker dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negeri.

Semasa berada di sini rombongan Ahli-Ahli Parlimen Thai itu telah mengadap Ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Sabtu lalu.

Rombongan tersebut juga mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pembangunan dan Pengarah-Pengarah Jabatan-Jabatan di Kementerian-Kementerian yang berkenaan.

Mereka juga membuat kunjungan hormat kepada Yang Amat Mulia Pengiran Speaker. Dalam kunjungan itu kedua-dua pihak telah betukar-tukar cenderamata dan seterusnya diselajurkan dengan perjumpaan ramah-mesra antara Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negeri.

Pada hari Isnin lalu, rombongan tersebut di bawa ke Padang Minyak Seria untuk meninjau perusahaan minyak dan gas. Terdahulu sebelum itu rombongan tersebut diberikan taklimat mengenai perkembangan perusahaan minyak oleh Pengarah Unit Petroleum, Awang Abd. Kani bin Mohd Salleh di Dewan Majlis.

Di samping itu, pelawat-pelawat dari Negeri Thai itu juga dibawa melawat ke Muzium Brunei, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan, Masjid Omar Ali Saifuddin dan sekitar Kampong Ayer.

**KETIKA rombongan Ahli-Ahli Parlimen Thailand itu mengadakan kunjungan kepada Y.A.M. Pengiran Speaker Majlis Mesyuarat Negeri, penyampaian cenderamata di antara kedua belah pihak juga diadakan (gambar kanan).**

**Gambar berikutnya pula ahli-ahli rombongan menyaksikan jenis-jenis tenunan kain orang Brunei di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan. Kehalusan seni pertukangan perak yang dihasilkan oleh penuntut-penuntut pusat tersebut juga menarik perhatian rombongan pelawat dari Negeri Thai itu (gambar bawah sekali).**







# Polis tambahan dikehendaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Polis Diraja Brunei mempelawa pemuda-pemuda untuk berkhidmat dalam pasukan itu sebagai Polis Tambahan (APO) dan Ahli Pancaragam.

Pemohon untuk jawatan sebagai Polis Tambahan mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ataupun pemegang Kad Pengenalan Merah.

Mereka mestilah lulus Darjah VI Melayu atau Inggeris, berumur 18 tahun dan tidak lebih 28 tahun sama ada kahwin atau bujang. Tinggi tidaklah kurang dari 5 kaki 2 inci.

Tanggagaji bagi jawatan ini ialah $480.00 — $600.00 dan $100.00 sebagai elaun.

Bagi jawatan Ahli Pancaragam pula, setiap pemohon mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan berumur dari antara 18 dan 28 tahun.

Mereka mestilah lulus Darjah VI Melayu atau Inggeris. Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi. Ukuran badan mestilah tidak kurang dari 5 kaki 2 inci dan berbadan sihat.

Borang-borang permohonan bagi kedua-dua jawatan itu boleh didapati dari Balai Polis di seluruh negara atau di Ibu Pejabat Polis Diraja Gadong.

# Kelas dewasa SISB dibuka

PEKAN TUTONG. — Pendaftaran bagi mengikuti Kelas Dewasa Tingkatan Tiga, Empat dan Lima aliran Inggeris di Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong mula dibuka pada 9 Februari yang lalu.

Kepada mereka yang berminat untuk mengikuti kelas-kelas tersebut bolehlah membuat pendaftaran melalui Penyelia Pelajaran Dewasa Sekolah berkenaan pada tiap-tiap hari persekolahan.

Tarikh tutup pendaftaran bagi Tingkatan III dan IV ialah pada 25 Februari sementara tarikh tutup pendaftaran bagi Tingkatan V ialah pada pertengahan bulan Mac.

# Pegawai Penerangan berkursus

BERAKAS. — Seramai kira-kira 18 orang Pegawai dan Kakitangan dari Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Khamis lepas telah menghadiri kursus Perhubungan Awam selama sehari yang dikendalikan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Negara di Kementerian Pembangunan.

# 10 lagi memeluk ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sepuluh orang lagi telah memeluk ugama Islam dalam dua majlis pengislaman yang berasingan baru-baru ini.

Satu keluarga Iban seramai 8 orang yang dikepalai oleh Awang Kom anak Parangan, 44 tahun melangsungkan majlis pengislamannya di Kampong Limau Manis pada 26 Januari yang baru lalu.

Mereka melafazkan ikrar Islamnya di hadapan beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan disaksikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Perkembangan Ugama (Dakwah dan Tabligh) Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Datu Seri Utama Awang Haji Ismail.

Awang Kom kini dikenali sebagai Awang Hamdan bin Abdullah manakala isterinya Dayang anak Mau, 43 tahun kini dikenali sebagai Dayang Saripah bte Abdullah. Sementara anak-anak mereka Kalong, 16 tahun kini dikenali sebagai Hermandi, Newjana, 13 tahun sebagai Awang Jeferidin, Suma, 9 tahun kini dikenali sebagai Awang Fadiliyani dan Mornai, 5 tahun kini sebagai Awang Yusni Yadi.

Sementara itu bertempat di Pejabat Hal Ehwal Ugama, Tutong dua orang gadis masing-masing dari keturunan Iban dan Dusun telah juga memeluk Islam.

Dayang Aminah anak Andom, 15 tahun berasal dari Kampong Lepong Lama, Temburong kini dikenali sebagai Dayang Rosdiana bte Abdullah, sementara Dayang Normani bte Jumat, 23 tahun berasal dari Kampong Pad Nunok, Tutong kini dikenali sebagai Dayang Normani bte Abdullah setelah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Abd Hamid bin Haji Tamat, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama daerah tersebut.



AWANG Hamdan dan keluarga yang baru saja menerima sinar Islam dalam hidup mereka

# Beritahu alamat baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tadbir Syarikat Kerjasama Pegawai-Pegawai Rendah Kerajaan Brunei sukacita meminta semua ahli-ahlinya akan dapat memberitahu alamat-alamat terbaru mereka bagi kemudahan pihak Jawatankuasa menghubungi mereka melalui alamat:

Peti Surat 2290,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu ahli-ahli yang ingin membeli saham Tanah dan Perumahan; dan Saham Perkhidmatan Bas Sekolah boleh menghubungi nama-nama berikut:

Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd Wahab (Pengerusi Cawangan Tanah dan Perumahan), Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Telefon; 25527; 25528; 25529 Sambungan 32.

Awang Haji Abu Bakar bin Haji Momin (Setiausaha Cawangan Tanah dan Perumahan), Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Awang Momin bin Ahmad (Pengerusi Cawangan Perkhidmatan Bas Sekolah), Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Brunei. Telefon: 26634.

Pengiran Shahbudin bin Pengiran Ahmad (Setiausaha Cawangan Perkhidmatan Bas Sekolah), Jabatan Radio dan Televisyen, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Pengiran Abd Rahman bin Pengiran Haji Omar (Penolong Setiausaha Perkhidmatan Bas Sekolah), Telefon: 28585 Sambungan 151.

Manakala bagi orang ramai yang belum menjadi ahli syarikat mereka hendaklah mengisi borang terlebih dahulu yang boleh didapati dari:

Setiausaha Syarikat Kerjasama Pegawai-Pegawai Rendah Kerajaan Brunei dengan Tanggungan Berhad, Peti Surat 2290, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 15 hingga 21 Februari 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Limau Manis | 15.2.1984 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 15.2.1984 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 15.2.1984 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Jerudong | 18.2.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 18.2.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 18.2.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 18.2.1984 | Sabtu | 2.30- 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 18.2.1984 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 18.2.1984 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 19.2.1984 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama, Muara | 19.2.1984 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 19.2.1984 | Ahad | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 20.2.1984 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai Kampung Perpindahan, Berakas, | 20.2.1984 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 21.2.1984 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 21.2.1984 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.......



# LEMBUTKAN HATI DENGAN ZIKRULLAH

## Siri ke-213

Berhubung dengan perkara di atas baiklah kita perhatikan antara sebab-sebab yang menjadikan hati menjadi keras iaitu jauh dari ajaran ugama Islam.

Kanak-kanak dan orang-orang muda sekarang telah dididik dan dididahkan kepada nyanyian-nyanyian, lagu-lagu, sandiwara-sandiwara, cerita-cerita dan cerpen-cerpen dari radio dan dari televisyen, oleh ibu bapa mereka dan orang-orang yang berminat dengan perkara-perkara seperti itu, dari itu hati kanak-kanak dan orang-orang muda itu menjadi keras, tiada sukakan syarahan ugama, nasihat dalam perkara yang berhubung dengan ugama, bacaan Quran, berzanzi, zikir-zikir, adab-adab ugama dan sebagainya. Gejala inilah juga yang menyebabkan mereka banyak bercakap tentang perkara yang lain dari perkara yang berhubung dengan Allah dan kebesaran Allah Taala, dari itu mereka jauh daripada Allah, dan Allah pun tiada ingatkan dan membiarkan mereka merana tiada dapat rahmat dan kesihan Allah Taala sebagaimana diterangkan dalam suatu Hadis yang disebutkan dalam kitab Sunan Al-Imam At-Tarmizi daripada sahabat Ibnu Umar r.a. telah berkata : Telah bersabda Rasulullah s.a.w. yang ertinya : "Jangan kamu banyak bercakap mengenai perkara-perkara yang lain dari zikir Allah, yang jauh dari ingatkan Allah Taala, kerana banyak cakap-cakap yang lain dari zikir Allah dan dari ingatkan Allah Taala, menjadikan hati itu keras, dan bahawasanya sejauh-jauh orang dari ingatkan Allah Taala itu, ialah orang yang berhati keras tiada ingatkan Allah Taala kerana banyak bercakap yang lain daripada Allah Taala.

### Cara Melembutkan Hati

Macam mana hendak selamat (menghindarkan) dari hati keras, sila dengar suatu Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tarmizi daripada sahabat Uqbah bin Amir r.a. telah berkata : "Saya berkata, Ya, Rasulullah, bagaimana hendak selamat dari kejahatan dan neraka?"

Sabda Rasulullah s.a.w. yang ertinya : "Kamu sekat mulut kamu dari bercakap-cakap yang sia-sia, dan hendaklah kamu sentiasa menjadikan rumah kamu luas dengan melazimkan tinggal dalam rumah kamu, dan kamu fikirkan kesalahan kamu dan taksir kecuaian kamu, dan kamu menangisi kesalahan yang dilakukan dan membetulkan kesalahan kamu dengan mengingatkan Allah Taala."

Menurut dalam kitab-kitab sunah Al-Imam At-Tarmizi dan Ibnu Majah daripada Ummu Habibah r.a. daripada Nabi s.a.w. yang ertinya : "Tiap-tiap percakapan anak Adam (manusia) itu mendatangkan bala dan kejahatan ke atasnya, dan mendatangkan kebajikan kepadanya, melainkan menyuruh orang berbuat baik iaitu perkara yang disukai ugama yang dinamakan makruf, dan menegah orang dari berbuat mungkar kejahatan yang ditegah oleh ugama, atau ingatkan Allah Taala dan kebesaran dan nikmat Allah Taala dan anugerah Allah kepada manusia itu.

Oleh itu tinggalkanlah nyanyi-nyanyian, lagu-lagu, sandiwara-sandiwara, cerpen, pantun yang kosong dan sia-sia itu dan dengarlah nasihat ugama, cerita ugama, dan bacalah kitab-kitab ugama, kitab-kitab Hadis dan kitab-kitab Tafsir Quran, nescaya kita dapat berdamping kepada Allah Taala dan dapat pahala serta jauh dari dosa dan selamat dari neraka dan moga-moga mendapat bahagia serta masuk syurga yang dijanjikan Allah Taala kepada orang-orang yang ingatkan Allah Taala dan kepada orang-orang yang sentiasa mengajak orang pada beradab ugama dan beramal dengan ajaran ugama, dan menegah orang daripada berbuat dosa dan mencuai-cuaikan larangan Allah Taala.

Berkata Al-Alamat Al-Said Muhammad bin Hussin Al-Habasyi, Mufti Asy-Syafieyah di Mekkah dalam kitabnya Al-Uqud Al-Lukluwiyah yang ada pada tahun 1289 Hijrah.

Bahawa Qutbul Irsyad Al-Habib Abdullah Al-Haddab Ba'alawi Al-Husaini Al-Asuni yang mati pada tahun 1132 Hijrah di Tarem berkata kepada pengikut-pengikutnya : "Saya membanyakkan membaca Quran, dan membanyakkan membaca zikir kepada Allah Taala dan ingatkan Allah, dan bersungguh-sungguh belajar ilmu yang memberi manfaat seperti Ilmu Fiqeh dan lain-lain ilmu seumpamanya, dari kamu duduk dan bergaul melainkan dengan orang yang ada kebajikan seperti ahli ilmu Islam dan ahli ibadat dan orang-orang salih, dan hendaklah kamu jauhkan dan jangan berkawan dengan ahli hiburan dan ahli-ahli yang lalai daripada zikir Allah dan daripada ingatkan Allah Taala, hukum-hukum Allah dan dari amaran-amaran Allah, dan hendaklah kamu mempunyai wirid dari zikir Allah dan dari doa-doa dan hendaklah kamu sentiasa beramal dan membacanya selepas sembahyang Fardu yang lima itu dan selepas sembahyang Subuh dan tiap-tiap lepas sembahyang Maghrib."

Inilah cara mendidik orang supaya jangan liar dari ugama Allah dan tidak merasa berat datang ke surau dan pergi ke Masjid-Masjid Allah Taala malah gemar mendengar syarahan-syarahan ugama dan nasihat-nasihat ugama Allah.

# ANAK: BESAR NILAINYA DALAM KEHIDUPAN

## Menuju keredaan Allah

ANAK adalah kurnia Allah s.w.t. yang tiada nilainya bagi sepasang suami isteri dalam kehidupan mereka. Sayidina Ali r.a. pernah mengungkapkan perkara ini sebagai: "Nikmat Allah kepada manusia itu amat banyak, yang paling ketara ialah keupayaan melahirkan anak."

Usaha-usaha gigih yang mengenal batas-batas putus asa dan lelah akan terus diarahkan andai anak yang diidamkan belum diperolehi. Pelbagai cara dicuba, perubatan cara tradisional diikuti di samping menerima perubatan dan perawatan moden biarpun kadang-kadang berhadapan dengan bahaya-bahaya asal tersebut menjanjikan hasil memperolehi anak sebagai Qurratu ain — insya-Allah.

Begitu besar nilainya anak itu bagi kehidupan kita, sehingga kehidupan harian kita terisi dengan usaha-usaha bagi memberikan kesejahteraan kepada anak. Bagaimana telatah, keletah dan tingkah laku anak mengisi bahan percakapan kita, memberikan kedamaian dan kebahagiaan dalam diri kita.

"Sudah berapa anaknya?" Itulah soal yang selalu terluncur dari mulut kita sebaik-baik berhadapan dengan kawan-kawan yang sudah lama tidak ditemui sama ada di surau-suaru, di majlis-majlis, di pasar mahupun di kompleks-kompleks membeli-belah. Kita tidak menanyakan tentang berapa buah keretanya atau berapa buah rumahnya? Ini menjelaskan betapa nilai anak itu begitu besar kepada kita. Apakah juga jelas kepada kita bahawa anak itu adalah amanah Allah yang dipertanggungjawabkan kepada kita sebagai ibu bapa. Setiap ketika mengharapkan kurnia Allah itu menjadi anak yang salih yang berguna kepada ugama dan keselamatan negara. Inilah amanah yang mesti kita laksanakan sesempurnanya kita tidak menjadi ibu bapa yang kecewa dunia dan akhirat. Kita bertanggungjawab memimpin anak menjadi orang yang takwa. Oleh itu kepimpinan kita sebagai ibu bapa ialah menjadikan anak-anak tadi manusia yang bertakwa kerana menjadi seorang yang mampu berdikari, sihat berpelajaran dan berhasil dalam hidup duniawi tidak adalah kelainan antara corak kepimpinan kita itu dengan kepimpinan yang dijalankan oleh haiwan terhadap anak-anaknya. Perhatikan sahaja seekor ibu ayam, begitu rajin dan tekun mengajar dan mendidik anak-anaknya mencari makan, mencari tempat perlindungan dan cara menghadapi serangan musuh, tidak sampai beberapa minggu ibu ayam tersebut telah berjaya menjalankan peranannya dengan baik. Anak-anaknya telah bebas mencari makan sendiri, cari perlindungan sendiri dan menghadapi musuh juga sendiri tanpa memerlukan ibunya lagi.

Bagi mendapatkan anak yang salih, ikhtiar awal semasa masih janin itu patutlah dilakukan. Seorang ibu yang mula hamil hendaklah membanyakkan membaca ayat-ayat Al-Quran terutama Surah Yussof dengan doa semoga anak yang bakal lahir tidak sahaja berakhlak mulia tetapi mempunyai kesempurnaan fizikal dan berupa paras yang indah. Kemudian mengamalkan membaca Surah Luqman dengan doa anak kita nanti akan mewarisi kekuatan akal dan kebijaksanaan Luqman dan terhindar dari kecacatan mental. Juga digalakkan membaca Surah Maryam dengan doa semoga Allah memudah dan menyelamatkan kita melahirkan. Di samping itu hendaklah ditambah dengan zikir-zikir khusus setiap kali selesai menunaikan sembahyang fardu.

Tahap pendidikan dan kepimpinan kepada anak itu biarlah selaras dengan kesediaan dan umur mereka. Bagaimanapun susunan hidup sebagai seorang muslim dalam rumahtangga dan persekitaran, santapan rohani dengan contoh-contoh teladan dari cerita-cerita para Nabi, sejarawan Islam, hadis-hadis dan sebagainya akan menimbulkan kecintaan terhadap Islam ditambah lagi dengan latihan sembahyang dan puasa serta diikuti dengan terus-terusan merangsangnya beribadat dan berakhlak mulia insya-Allah anak kita akan menjadi orang yang salih.

Mengenai hal ini Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Perintahkan anak-anak kamu bersembahyang ketika berumur 7 tahun, tetapi bersikap tegas dan keraslah ketika mereka berumur 10 tahun sekiranya mereka enggan bersembahyang dan pisahkan mereka dari tempat tidur kita."




# PASTIKAN KITA MENDAPAT UNTUNG

Marilah kita sama-sama bertakwa dan taat kepada Allah dengan melakukan ibadat dan amal salih yang membawa kita kepada keredaan-Nya dan menjauhkan diri daripada murka-Nya.

Berkata Al-Imam Al-Ghazali Rahimahullah di dalam kitabnya Ihya Ulumuddin bahawa seorang hamba Allah itu, sebagaimana ada baginya awal siang, maka demikian juga ada padanya akhir siang iaitu saat yang dia menutup kira-kiranya seperti seorang saudagar, akan berkira setiap akhir pada tiap-tiap tahun atau bulan ataupun hari.

Inilah yang dinamakan 'Muhasabah' iaitu berkira dan memperhitungkan keadaan diri. Seperti seorang peniaga, ia melihat pada modal, untung dan rugi. Jika didapatinya cukup dan bahkan untung, dia bersyukur. Tetapi sebaliknya jika didapatinya kurang dan rugi, lalu dicarinya sebab dan diusahakannya untuk menebus semula kerugian itu.

**MODAL DAN UNTUNG**

Begitulah ibarat hamba di dalam ugamanya, modal seorang hamba itu dalam ugamanya ialah kewajipan-kewajipan fardu. Sempurna segala fardu dikerjakan, bermakna ada modal. Modal tidak luak atau kurang. Keuntungan pula ialah sunat-sunat 'Fadail' (keutamaan-keutamaan). Sesudah modal kita jaga dan kawal jangan sampai luak dan kurang, maka carilah untung. Kita mahu kalau boleh, lebih dari balik pokok. Maka setelah itu carilah untung, pastikan bahawa kita untung.

Tetapi sekali-kali jangan tempah kerugian. Seperti peniaga yang memantang dirinya rugi yakni tidak mahu rugi, maka dalam perkara ugama juga, adalah wajib bagi kita memantang diri kita jangan mahu rugi. Apa dia kerugian dalam ugama itu? Iaitulah perbuatan-perbuatan maksiat.

Demikianlah kita adakan 'muhasabah' yakni perkiraan atau pemeriksaan ke atas amal ibadat kita melalui usaha kita yang sudah berjalan, pertama-tama di atas ibadat yang fardu-fardu. Jika telah ditunaikan semuanya, mulai dari 'aqil baligh lagi, maka kita bersyukur. Dan jika tidak, jika ada yang luput, maka hendaklah dibayarnya dengan qada. Kemudian teruskan 'muhasabah' atau perkiraan itu, kiranya berapa banyak maksiat yang telah dibuat atau terbuat? Jika ada, jangan sibukkan fikiran dengan yang lain, melainkan bersibuklah dengan mengingat azab Allah Taala, dan celalah perbuatan itu dengan kesedaran dan berjanji tidak mengulanginya lagi. Inilah satu-satunya cara 'muhasabah' yang sempurna menurut Al-Imam Al-Ghazali Rahimahullah. Mereka cepat-cepat menyedari bahawa syaitan telah menipu dan memperdayakan. Firman Allah Taala di dalam Surah Al-'Araf ayat 201 yang tafsirnya :

*"Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa, apabila mereka ditipu oleh syaitan yang datang berkunjung nescaya mereka ingat kembali dan ketika itu mereka menjadi orang-orang yang mempercayai penglihatan."*

**'MUHASABAH'**

Telah diriwayatkan oleh Maimun bin Mahran bahawa Sayidina Umar Ibnul-Khatab Radhiallahu Anhu berkata :

*"Tiadalah seorang hamba itu termasuk orang yang bertakwa sehingga dia bermuhasabah (memperhitungkan dirinya atau menilik dirinya) lebih banyak dari orang lain memuhasabahkannya (memperhitungkannya)."*

Demikian serba sedikit kita sama-sama mengingatkan diri kita masing-masing supaya banyak-banyak memperhitungkan diri kita masing-masing dengan mengira dan mengingat-ingat apakah yang sudah kita lakukan sebagai seorang hamba Muslim dalam perkara-perkara Fardu yang dituntut kita melakukannya? Jika ada yang belum terbuat hendaklah dilakukan segera, jika ada yang tinggal hendaklah dibayar sebagai modal yang semestinya jangan kurang-kurang. Di samping hendaklah ingat bahawa maksiat itu kerugian padahnya, marilah kita tebus ia dengan taubat nasuha.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 15 Februari, 1984 hingga ke hari Selasa 21 Februari, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 15 | 12.40 | 4.00 | 4.01 | 6.37 | 6.38 | 7.48 | 7.49 | 5.19 | 5.06 | 5.20 | 6.34 | 6.35 |
| 16–20 | 12.40 | 3.59 | 4.00 | 6.37 | 6.38 | 7.48 | 7.49 | 5.19 | 5.05 | 5.20 | 6.33 | 6.34 |
| 21 | 12.39 | 3.58 | 3.59 | 6.37 | 6.38 | 7.48 | 7.49 | 5.17 | 5.04 | 5.18 | 6.32 | 6.33 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

## Tayangan filem Muzium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Perkhidmatan Pelajaran Muzium Brunei akan menayangkan satu lagi siri A World Wildlife Fund Malaysia — THE GIANT TURTLES OF TRENGGANU, pada 16., 18. dan 19. Februari, 1984 jam 10.00 pagi dan 2.30 petang.

Filem ini adalah mengenai penyu-penyu di perairan Negeri Trengganu, Semenanjung Malaysia.




# Tenaga satelit tunjukkan kejayaan

SERIA. — Modul Ujian Telaga Satelit (bawah) yang pertama (WTM-Mark V) yang telah diadakan percubaan terhadapnya beberapa bulan yang lalu telah mempertunjukkan keputusan-keputusan yang baik.

SWTM ini mengasingkan aliran yang dikeluarkan oleh sebuah telaga dalam tiga fasa — gas, minyak dan air. Setelah diasingkan setiap satu fasa itu diukur dengan tepat dan dianalisa.

Keterangan yang telah diberikan oleh modul mengenai sesebuah telaga itu adalah sangat penting kepada jurutera-jurutera petroleum untuk pernilaian telaga dan simpanannya. Ianya adalah merupakan modul ujian telaga yang paling maju di dalam operasi-operasi luar pantai BSP.

Modul yang diterima awal bulan Nobember itu adalah yang pertama dari 10 yang dibuat oleh Hollandse Constructie Groep (HCG) di Netherlands.

Setelah diterima, ianya terus dipasang dalam Tank Group 1 untuk rancangan ujian yang dijalankan bersama oleh bahagian-bahagian OPD/2/4 dan EDE-3.

Tujuan percubaan-percubaan ini ialah untuk mengenali sebarang masalah yang mungkin berlaku dengan rekaan yang ada supaya dapat diperbaharui modul-modul yang selebihnya bagi pertunjukan yang terbaik.

Keputusan-keputusan ujian yang baik bagi Mark V dan hanya terdapat kekurangan yang sedikit kepada kerja menaip dan peralatan-peralatannya.

HGG sekarang telah diberikan kata putus untuk menghantar sembilan buah lagi modul yang tinggal yang akan dikirim di sepanjang bulan April dan Disember tahun ini.

Modul yang pertama akan dipasang di CPDP-37 dalam bulan Mac setelah dibuat pembaharuan oleh ECO.

## Skim latihan Industri

SERIA. — Sebagai sebahagian usaha-usaha berterusan Syarikat untuk melengkapkan belia-belia Brunei untuk berkhidmat dalam industri minyak dan gas, Shell Brunei sekali lagi memulakan rancangan tahunannya untuk mengambil lepasan-lepasan sekolah bagi mengikuti skim Latihan Industri.

Seperti biasa skim ini akan diadakan di Pusat Latihan Teknikal Seria, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah Kerajaan, Kuala Belait dan di Pusat Latihan Teknikal Kerajaan Brunei.

Pemohon-pemohon yang berjaya akan menjalani latihan dalam bidang-bidang tradisional bagi mekanikal, elektrik, dan kejuruteraan peralatan selain dari telekomunikasi.

Perjumpaan-perjumpaan akan diadakan iaitu pada hari Jumaat 10 Februari ini di Sekolah Melayu Jamalul Alam (SMJA) di Bandar Seri Begawan dan di SRC Seria bagi memberikan penerangan mengenai tempoh dan syarat-syarat dan rancangan-rancangan latihan.

Rakyat Brunei lelaki yang telah menamatkan Tingkatan V adalah dijemput untuk hadir. Mereka yang tidak dapat berbuat demikian dinasihatkan untuk menghantar permohonan mereka secara bertulis dengan memberikan butir-butir umur, kerakyatan dan keputusan-keputusan peperiksaan temasuk SRPB kepada Jabatan Perancang Kakitangan dan Pengambilan Syarikat (PDD/1) dengan menyatakan bilangan rujukan BB/.

Tarikh penutup bagi penerimaan permohonan ialah pada 20 Februari 1984.

# JAWATANKUASA BARU DIRANCANG

SERIA. — Rancangan-Rancangan kini telah disusun untuk pembinaan sebuah janakuasa (atas) yang baru lagi membekalkan Negara Brunei Darussalam dengan kuasa elektrik.

Janakuasa yang dianggarkan menelan belanja berjuta-juta ringgit itu adalah projek bersama Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik Kerajaan, LNG Brunei dan BSP.

Keputusan bagi pembinaan loji kuasa itu telah dibuat memandangkan tuntutan bekalan elektrik yang semakin bertambah dari para pengguna di seluruh Negara di samping keperluan industri-industri BSP sendiri di sini bersama dengan kemungkinan penutupan sebahagian dari janakuasa yang dipasang oleh Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik dan BSP yang ada pada ketika ini.

BSP, bagi pihak ketiga-tiga sekutu tersebut akan bertanggungjawab menguruskan projek itu. Pengurus Projek, Awg. Bert Van Eijk berkata bahawa tawaran-tawaran telah dibuka dalam bulan November tahun lepas bagi kontrak lengkap meliputi mereka, membekal, membangun dan memulakan kemudahan-kemudahan janakuasa itu. Tarikh tutup bagi tawaran-tawaran itu ialah pada 13 Februari 1984.

Projek itu akan meliputi kawasan seluas kira-kira 23 ekar di Kawasan Lumut. Kerja bagi persediaan tempat mendirikan pagar-pagar sementara dan penempatan semula talian-talian paip telah dijalankan dan telah selesai di tahun lepas.

Pengurus Projek itu menjelaskan bahawa loji kuasa itu akan mengandungi tujuh buah alat janakuasa gas turbin yang berkeupayaan 21 MW setiap satu dengan dandang pemanas sisa yang beroperasi dengan setiap alat berkeupayaan menjanakuasakan 48 tan wap setiap jam sebuah dandang untuk LNG Brunei. Dandang-Dandang pemanas sisa akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan pencapaian tambahan untuk menjamin bahawa hawa wap sepanas 470C yang diperlukan bagi kekisi wap LNG Brunei dicapai.




Bahan bakar yang digunakan untuk menghidupkan janakuasa-janakuasa turbin yang diperolehi daripada gas Champion dengan sistem bantuan penuh dari gas Ampa yang diambil dari tadahan slug di Lumut.

Penggunaan pemanas sisa untuk operasi-operasi LNG Brunei akan memberikan satu kejayaan keseluruhannya pada peringkat 70% bagi loji yang baru itu yang membawa kepada penjimatan gas yang agak besar bagi Brunei.

Apabila sahaja loji kuasa pengeluaran bersama itu siap, loji kuasa BSP yang ada sekarang di Seria akan ditutup.



## Drama Kemerdekaan:

# PAHLAWAN BANGSA

DRAMA Sejarah keluarannya minggu ini bertajuk Pahlawan Bangsa yang diolah dalam bentuk Drama Radio oleh A. Mohammad Timbang, Brunei.

Pahlawan Bangsa telah menyingkap kembali tentang keperwiraan dan perasaan cinta terhadap tanahair dan raja yang ditunjukkan oleh Pengiran Kesuma dan Pengiran Bendahara Sakam.

Dalam pada itu pula, Pengiran Seri Lela telah bertindak sebagai pengkhianat bangsa dan sanggup menggadaikan negara sendiri kepada bangsa asing iaitu Sepanyol, dengan membocorkan rahsia pertahanan negara sematamata bertujuan untuk membalas dendam dan untuk mendapat kedudukan yang tinggi.

Dalam tahun 1578, pihak Sepanyol mencatatkan Brunei sebagai sebuah lagi negara jajahannya. Tujuan mereka bukan setakat untuk menjajah malah untuk mengembangkan ugama Kristian.

Bagaimanakah tindakan Bendahara Sakam selaku seorang ketua panglima bagi menghalang tujuan Sepanyol itu? Apa pula langkah yang diambil oleh Pengiran Kesuma untuk keselamatan tanahair dan Sultan? Untuk penjelasannya, kami persilakan para pendengar mengikuti siarannya pada 19 Februari, 1984 jam 10.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan untuk siaran oleh Abdullah Awang Damit.



DALAM merayakan hari kemerdekaan ini, Radio Brunei tidak mengenepikan pelakon-pelakon veteran untuk menjayakan drama di radio. Seperti yang kelihatan dalam gambar ini Abdul Wahab Haji Tengah, Ag Ahmad Ghafar, Pengiran Yunos, Mohammad Burut, Osman Haji Tamin, Taha Haji Tahir dan Haji Annuar Haji Abdul Hamid sedang menghidupkan watak masing-masing dalam Drama Sejarah yang akan ke udara pada hari Ahad 19 Februari 1984 jam 10.15 pagi. Rancangan Drama Sejarah ini diterbitkan oleh Abdullah Ag Damit.

# RTB minggu ini

## Dendang Remaja

KELUARAN ketujuh minggu ini menghidangkan lagu-lagu dendangan ROSNAH HJ. KADIR, JEFFERY HJ. ABD. RAHMAN dan NORAIDAH ABD. LATIF.

Jemputlah mengikutinya hari Jumaat 17 Februari jam 5.00 petang. Ulangannya akan ke udara pada hari Ahad jam 11.00 pagi.



Rosnah Hj. Kadir



Jeffery Hj. Abd. Rahman



Noraidah Abd. Latif

## Dari Pendengar Untuk Pendengar

RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar bersama awda lagi minggu ini dengan pesertanya kali ini iaitu Dayang Ermiee Hj. Mohammad dialamat Kampung Sungai Tampoi, Sengkurong, Brunei. Rancangan ini ke udara pada hari Selasa 21 Februari jam 4.00 petang.

Kepada awda yang ingin menyertai rancangan ini hantarkan permohonan awda kepada penerbit rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar, Bahagian Melayu, Radio Brunei atau hubungi terus melalui telefon 23111 sambungan 258/259.

# RADIO MINGGU INI: IDEA

MENULIS memang perkara mudah. Akan tetapi untuk menjadikan seseorang itu sebagai penulis, itu yang paling susah. Lainlah halnya, kalau hanya menulis sekadar huruf abjad 'a b c' atau '1 2 3' atau ت ب ا dan yang seumpamanya.

Jika diukur sekadar kebolehan seperti itu, rata-rata kita dapat memahami dan memastikan bahawa kanak-kanak yang baharu mengenal huruf-huruf atau bentuk-bentuk tulisan seperti itu sudah dapat menuliskan dengan apa yang kita kehendaki, atau lebih jelas sudah dapat memenuhi apa yang kita arahkan untuk membuatnya.

Apakah kita akan kekal seperti itu? Atau kita hanya mahu sekadar tahu membaca dan menulis sahaja, tanpa mempunyai pemikiran yang tajam, atau idea yang mendalam atau idea yang bermutiara dan begitulah sebaliknya. Cuba renungkan!

Kalau kita hanya mahu menunggu yang suratkhabar itu sampai ke tempat kita, lantas kita membacanya. Maka di situ kita akan dapat tahu apa yang terkandung di dalamnya dan fikirkanlah, apakah itu idea penulis. Jadi siapakah penulis itu dan apa idea yang mahu disampaikannya kepada pembaca? Walhal pembaca mempunyai pelbagai ragam dan bentuk, apalagi minat dan kecenderungan berbeza-beza.

Maka begitulah juga halnya dengan rentak dan irama dari alam penyiar ini. Saya lebih mengkedepankan bahawa idea penyiar itu tinggi, lebih bernilai atau lebih bermutu untuk didengarkan, sebab di mana-mana juga, penyiar akan tetap menyesuaikan dengan rentak dan irama untuk diucapkan, untuk dihebahkan kepada pendengar. Jika diminta untuk berfalsafah, berkomentar juga tidak terkecuali untuk melahirkannya.

Cuma satu pendekatan yang perlu dikukuhkan dalam diri seseorang penyiar itu, iaitu hendaklah setiap penyiar itu faham dan memahami fungsinya selaku penyiar. Setidak-tidaknya penyiar itu akan dapat mengeksplotasikan segala bahan-bahan yang mahu dikeudarakan itu berpatutan, berpadanan, bersesuaian pada keadaan masa, suasana dan tempat. Lebih-lebih lagi perlu didekatkan kefahaman masyarakat setempat dengan apa yang diungkapkan.

Tidaklah akan terasa canggung jika muzik zapin itu ditarikan dengan tarian zapinnya sekali. Ini sudah tentu akan lebih menarik lagi. Jika sebaliknya, lain rentak, lain lagu yang dinyanyikan, sudah tentu ianya akan sumbang didengari. Siapakah yang suka, siapakah yang mahu untuk minta diputarkan.

Kerana itu melahirkan sesuatu idea biarlah sealiran dengan keadaan masyarakat setempat dan selaras dengan pembangunan negara.

Soal panjang, pendek bukanlah menjadi ukuran bagi idea penulis atau penyampai itu. Pokoknya ringkas, padat dan tepat pada maksud yang ditulis atau yang disampaikan itu adalah lebih baik dari apa bentuk pun idea yang berjela-jela, idea yang berangkai-rangkai tetapi kosong. Jika ini terjadi samalah juga kita ibaratkan yang pendengar, pembaca atau peminat kita itu akan tarik selimut di waktu pagi.

Idea tetap idea, namun begitu lutanilah segala perjalanannya, agar tidak terpesung ke alam lain. Apa lagi idea penyair, penyiar itu dihubungkan dalam pembangunan, kemajuan dan perkembangan masyarakat dan negara kita Brunei Darussalam.



ADEGAN dari siri rancangan SIMON AND SIMON yang minggu ini membawakan episod berjudul "Pirate's Key", Bbg. I.

## Mari Memasak

# ROLL DAGING

**Bahan-bahannya :—**
- 1 kgm daging
- 1 sudu makan air limau nipis
- sedikit garam dan serbuk lada sulah.

**Bahagian isi dalam :**
- 1 cawan sayuran campur
- 1 cawan cendawan butang (dihiris halus-halus)
- 2 biji telur ayam
- 1 cawan ubi kentang (direbus dan dihaluskan)
- 1 biji bawang besar (dicincang kasar-kasar)
- sedikit garam dan serbuk lada sulah.

**Kuahnya :—**
- 1 cawan pati santan
- 2 sudu makan tomato sos
- ½ inci kunyit *
- ½ inci halia *
- 2 butir lada putih *
- 10 batang lada kering *
- 1 batang serai *
- 4 ulas bawang merah *
- garam secukup rasa dan serbuk perasa
- 1 sudu teh gula.

* digiling atau dikisar halus.

**Cara-caranya :—**
1. Daging digunakan yang tidak berurat dipotong tipis-tipis (jangan diputuskan) menjadikannya satu keping daging yang tipis dan lebar.
2. Kemudian digaulkan dengan sedikit garam halus, air limau dan lada sulah (dibiarkan sekurang-kurangnya ½ jam).
3. Sementara itu panaskan sedikit minyak — tumis bawang yang dicincang sebentar kemudian masukkan sayuran campur, cendawan yang telah dihiris dan bahan-bahan perasa. Gaul rata-rata kemudian pecahkan 2 biji telur dan dimasak bersama-sama kesemua bahan-bahan tadi kira-kira 5 minit. Kemudian diangkat dan ditaruh di dalam satu bekas.
4. Ubi kentang direbus sehingga empuk dan dikupas kulitnya lalu ditumbuk ataupun dilecek sehingga halus. Kemudian dicampurkan dan digaul rata dengan bahan-bahan yang dimasak tadi.
5. Campurkan kesemua bahan-bahan kuah ke dalam periuk dan jerangkan ke atas api yang sederhana sehingga ia pekat.
6. Daging yang dijadikan satu kepingan yang lebar tadi disapukan rata-rata dengan campuran sayuran-sayuran tadi. Kemudian perlahan-lahan digulung menjadikan satu gulungan yang padat. Di bahagian lebihan tepinya disematkan dengan lidi pencucuk kemudian taruh di dalam satu bekas dan diminyakkan di sekeliling permukaan daging dengan minyak jagung. Dan masukkan ke dalam oven dengan kepanasan sederhana kira-kira 30 minit dan kuatkan kepanasan kira-kira lagi 30 minit atau sehingga ia benar-benar masak.

Kira-kira 15 minit sebelum diangkat dari siramkan daging gulung tadi dengan kuah yang telah dimasak dan masukkan semula ke dalam oven.

Sewaktu menghidangkannya daging gulung dipotong tipis-tipis.

## Tetamu Radio

KEPADA peminat rancangan Tetamu Radio minggu ini akan perpeluang mengikuti temubual Md Daud Metersad dengan Dk. Freda Pengiran Damit. Siarannya akan dapat diikuti pada hari Ahad jam 5.00 petang. Rancangan Terbitan Salmah Haji Abdul Rahman.



PUAN Margaret Banks ketika membuat kunjungan kehadapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna di Istana Darulhana.



MANAKALA gambar bawah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna melafazkan ikrar pandu puteri sejurus sebelum perlantikan YTM sebagai Presiden Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam.

# Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dilantik Presiden Pandu Puteri

Oleh:
Zubaidah dan Haniza
Gambar-gambar: Ak Bahar, Harun dan Arbaee

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah dilantik sebagai Presiden Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam dalam satu Majlis Perhimpunan Pandu Puteri dan Brownies yang berlangsung di Dewan Pusat Belia pada hari Rabu lepas.

Selepas perlantikan diumumkan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah bersabda melafazkan ikrar (Pandu Puteri) di hadapan Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Komanwel Cawangan London, Puan Margaret Banks serta diikuti dengan penyampaian lencana, ini disaksikan oleh Pesuruhjaya Pandu Puteri Negara, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Diraja Dato Seri Paduka Awg. Haji Hussin, ketua-ketua pengakap dan 60 orang Pandu Puteri dan Brownies.

Di majlis yang sama Puan Banks telah juga menyampaikan 2 keping cek yang bernilai lebih $700 kepada Presiden baru. Wang tersebut adalah hasil kutipan Tabung Persahabatan Pandu Puteri dan Brownies di Britain.

Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pesuruhjaya Pandu Puteri Negara, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris.

Kemudiannya diikuti dengan penyampaian lencana oleh Puan Banks kepada 9 orang Pandu Puteri dan Brownies yang berjaya menjalani berbagai ujian kelayakan.

Turut menyerikan lagi majlis hari itu ialah persembahan nyanyian dan tarian yang dipersembahkan dari 8 buah Persatuan Pandu Puteri dan Brownies di Daerah Brunei Muara.

Terdahulu sebelum majlis perhimpunan diadakan, Puan Margaret Banks terlebih dahulu membuat kunjungan kehadapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna di Istana Darulhana pada hari Isnin lepas.

Kunjungan Puan Banks diiringi bersama oleh Pesuruhjaya Pandu Puteri Brunei-Muara dan Tutong, Dyg. Hjh. Marhani bte Abd. Latif.

Di dalam perjumpaan itu, Puan Banks menyatakan berkemungkinan Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam dijangka akan menjadi ahli Penuh Persatuan Pandu Puteri Sedunia dalam tahun 1987, yang mana ketika ini Persatuan Pandu Puteri Brunei adalah Bahagian (Branch) dalam persatuan itu.

Pada hari Selasa pula, Puan Banks telah membuat perjumpaan dengan Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Haji Abdul Aziz, bagi membincangkan peranan serta rancangan bagi memperkenalkan kegiatan-kegiatan Persatuan Pandu Puteri di sekolah-sekolah di seluruh Negara.

Di sebelah petang pada hari itu juga, Puan Banks telah membuat lawatan dan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri dan Brownies di Seria.

Ketibaan Puan Banks dan rombongan di Seria telah dialu-alukan oleh Naib Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Puan A. Everet.

# Persembahan Kebudayaan sambut Hari Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu persembahan Kebudayaan Brunei akan diadakan sebagai salah satu acara sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Persembahan yang dikelolakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien pada hari Jumaat 24 Februari mulai jam 8.00 malam.

Persembahan itu diberi nama "Purih Perkasa Pendukung Negara" yang dipadankan dari skrip yang ditulis oleh bekas Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abd. Saman bin Kahar.

Lima buah persatuan belia di Daerah Brunei-Muara akan menyumbangkan tenaga untuk menjayakan persembahan yang dibahagikan kepada lima babak itu. Tiap-tiap babak masing-masing menggambarkan perkembangan-perkembangan yang telah dilalui oleh Negara Brunei Darussalam sejak zaman permulaan sehinggalah zaman merdeka.

Babak pertama menggambarkan kehidupan sehari-hari dan penetapan tapak negara Brunei; babak kedua — berbagai kepercayaan (pengaruh Hindu diganti Islam); babak ketiga — zaman Sultan Bolkiah Raja Kelima (kebesaran Raja-Raja); babak keempat — perkahwinan orang-orang Melayu Brunei dan babak kelima — Brunei moden terus membangun.

Persatuan Perkasa, Kampong Saba akan menjayakan babak pertama; Persatuan IKERAB, Kampong Bunut, babak kedua; Persatuan Belia Sumbiling, babak ketiga; Persatuan Perangkab, Kampong Burung Pingai Berakas, babak keempat dan Persatuan IKELAS, Kampong Lurong Sikuna babak kelima.

Di samping itu persembahan ini juga akan diambil bahagian oleh jabatan-jabatan Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan awam beruniform.

Persembahan yang akan memakan masa kira-kira dua jam itu juga akan diselitkan dengan berbagai corak kehidupan orang-orang Brunei dari segi adat istiadat, ekonomi, ugama, kesenian, nyanyian, muzik, tarian, hubungan antarabangsa, perkembangan sejarah dan sosial dan lain-lain. Perkara-perkara seperti ini ditunjukkan supaya dapat mencakup maksud kebudayaan dalam skop yang lebih luas dan tidak hanya terhad kepada tarian dan nyanyian.



SEBAHAGIAN dari adegan dalam babak kelima 'Brunei Moden Terus Membangun' yang dijayakan oleh ahli-ahli Persatuan IKELAS, Kampong Lurong Sikuna. Latihan-latihan sebagai persediaan persembahan ini telah pun dimulakan sejak penghujung bulan Disember tahun lepas. — Gambar ihsan DBP.



PUAN Banks ketika membuat perjumpaan dengan Menteri Pelajaran dan Kesihatan, di Pejabat Kementerian itu di Berakas.

# 7 Leftenan dinaikkan Kapten

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menaikkan pangkat tujuh orang Leftenan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke pangkat Kapten.

Tiga orang dari mereka ialah dari Tentera Udara iaitu Leftenan Sharifuddin bin Pehin Dato Haji Mohammad, Leftenan Jasmi bin Haji Abu Bakar dan Leftenan Napiah bin Paijan.

Empat orang lagi ialah Leftenan Mohd Ali bin Haji Yahya dari Bateri Pertahanan Udara; Leftenan Liwat bin Teradi dari Batalion Kedua; Leftenan Hasnan bin Awang Haji Abdullah, Logistik dan Leftenan Mohd Aisa bin Subohi dari Pusat Latihan.

Kenaikan pangkat bagi ke tujuh-tujuh orang pegawai itu bermula dari 28 Januari 1984.

### PEMBETULAN

DI RUANG 6 muka depan 'Pelita Brunei' keluaran minggu lalu, di bawah tajuk 'DPPW berangkat hadiri Istiadat Permakaman', para kedua sepatutnya dibaca seperti berikut:

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak telah mangkat pada hari Selasa 31 Januari dan telah selamat dimakamkan pada hari Jumaat 3 Februari.

Kesilapan tersebut adalah dikesali.

# AMALKAN SIKAP PEMBERSIH SEBAGAI CARA HIDUP SEHARIAN

OLEH:
MUHAIMIN HM
GAMBAR:
HJ. SHARBINI TAHA

GADONG. — Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz menggesa orang ramai supaya mengamalkan sikap pembersih dan sikap menghargai kesihatan sebagai cara hidup seharian.

Beliau juga menyeru kepada semua pihak termasuk pendatang-pendatang dari luar negeri yang turut menikmati kehidupan di negara ini sekalipun untuk beberapa waktu, supaya menghargai, menghormati dan melibatkan diri pada mempastikan kawalan kebersihan dan kesihatan di seluruh negara.

Y.B. berucap demikian ketika merasmikan pelancaran Kempen Minggu Kesihatan Kebangsaan anjuran Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan bertempat di hadapan Bangunan Good Wood, Jalan Gadong, pada Jumaat lepas.

Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz berkata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberi keutamaan pada mempastikan bahawa setiap rakyat dan penduduk negara ini terus-menerus mempunyai kemudahan-kemudahan mengawal kesihatan.

Dalam pada itu, katanya, orang ramai yang menggunakan satu-satu kawasan bagi tujuan perniagaan dan sebagainya perlulah mempastikan wujudnya kebersihan dan kesihatan awam di negara ini.

"Bagi jangka panjang, maka asuhan kebersihan dan kesihatan itu hendaklah disemai di kalangan kanak-kanak bukan hanya bagi faedah kesihatan diri atau kesihatan rumah ataupun keindahan bandar dan kebagusan negara, bahkan hendaklah juga ditanamkan keyakinan bahawa sikap sedemikian sesungguhnya sangat dipuji di kalangan masyarakat dan sangat digemari oleh Allah s.w.t.," jelas Y.B. lagi.

Seterusnya Y.B. berkata bahawa langkah kempen tersebut menggambarkan yang masyarakat Brunei mengerti bahawa tanggungjawab kemerdekaan itu antara lain hanya dapat dipikul oleh tenaga manusia yang sihat dan afiat.

Sebelum itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Y.B. Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin. Antara yang menyertai kempen pada hari itu termasuklah persatuan-persatuan belia dan beliawanis, badan-badan kebajikan, firma-firma swasta dan murid-murid sekolah. Doa selamat dibacakan oleh YDM Pehin Khatib Haji Ahmad bin Abd. Razak.

**PERUTUSAN PENGARAH PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN DATO PADUKA Dr. HAJI JOHAR BIN DATO PADUKA HAJI NORDIN, SEMPENA MINGGU KESIHATAN KEBANGSAAN 1984.**

Tahun 2000 ialah matlamat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi tujuan kesihatan untuk semua. Kebanyakan negara-negara membangun terpaksa menempuh berbagai halangan sebelum mereka dapat menempuh kejayaan ini.

Kita di negara Brunei Darussalam sangat beruntung kerana kita telah pun mencapai beberapa matlamat yang telah ditentukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) seperti :- pemberian perawatan perubatan; makanan yang baik; bekalan air yang dibubuh ubat hampir kepada keseluruhan penduduk negara ini dan pembuangan najis yang selamat.

Walau macamanapun kita sendiri mempunyai bahaya kesihatan yang dihubungkan dengan pencemaran alam sekitar. Walaupun kita dapat mengawal penyakit-penyakit berjangkit terutama penyakit taun (cholera), kepialu (typhoid) dan lain-lain.

Namun penyakit-penyakit yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar seperti cerit-berit (diarrhoea), penyakit usus gastro (gastro-enteritis), demam kuning (hepatitis) dan lainnya masih lagi membimbangkan. Ini lebih-lebih lagi dengan adanya pembangunan yang semakin pesat dan kemajuan-kemajuan luar bandar menyebabkan bertambahnya sampah-sarap dan barang-barang yang dibuang secara melulu seperti tin, botol, bag plastik, sisa-sisa makanan, di samping kereta rosak dan tayar-tayar yang dibuang dan dibiarkan begitu sahaja.

Semuanya itu adalah tempat pembiakkan yang baik bagi serangga-serangga pembawa penyakit seperti lalat, nyamuk dan tikus. Selain dari itu, ia juga menarik perhatian anjing-anjing liar. Penyakit anjing gila (rabies) merupakan penyakit yang merbahaya yang disebabkan oleh virus dan dijangkitkan oleh anjing yang mengidap penyakit ini. Kita di Brunei bebas dari penyakit anjing gila ini, tetapi bahayanya tetap wujud jika bilangan anjing liar tidak dikawal.

Pembuangan sampah yang tidak bertimbang rasa dan pengotoran yang tidak perlu di tempat-tempat awam hanyalah menambahkan masalah-masalah alam sekitar. Untuk memperbaiki keadaan seperti ini mestilah terdapat satu perubahan dari segi pemahaman dan kelakuan masyarakat khususnya mengenai dengan tabiat ke arah kesihatan.

Bermanfaatnya perkhidmatan-perkhidmatan kami dan berjayanya sebarang kempen kesihatan adalah bergantung kepada pemahaman masyarakat ke atas nilainya dan juga penyertaan mereka yang aktif serta penglibatan mereka secara langsung untuk menjadikannya benar-benar berkesan, 'Jika saya mendengarnya saya lupa, jika saya melihatnya saya ingat dan jika saya melakukannya saya tahu'. Inilah tujuan dan hasrat Minggu Kesihatan Nasional. Usaha kerjasama di antara jabatan-jabatan dan badan-badan sukarelalah yang menimbulkan minat dan sikap ambil-indah masyarakat untuk mendorong atau mengalakkan penyertaan dan sokongan mereka.

Setiap tahun kita menimbulkan satu aspek kesihatan yang mana kita rasakan penting. Tema pada tahun ini ialah ''Jaga Kebersihan Negara Brunei Darussalam'', kerana kami mengharapkan ianya bersangkutan dengan perayaan hari kemerdekaan yang akan dirayakan tidak lama lagi.

Kesihatan ialah tanggungjawab tiap-tiap orang. Oleh yang demikian, marilah kita menyatukan sumber-sumber tenaga kita pada tahun ini untuk bekerja ke arah menjadikan negara yang bersih dan jauh dari kekotoran. Kami mengharapkan sokongan dan kerjasama awda untuk mencapainya. Adalah diharapkan aktiviti di tahun hadapan ianya akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Masyarakat dengan sokongan dan nasihat dari jabatan kami. Marilah kita menjaga Negara Brunei Darussalam yang bukan hanya setakat cantik tetapi juga bersih dan mempastikan kita mencapai matlamat kesihatan untuk semua menjelang tahun 2000.



**SIKAP begini satu contoh yang baik dan sepatutnya menjadi ikutan masyarakat ..... Kelihatan Y.B. Menteri Pelajaran dan Kesihatan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz mengepalai orang ramai memungut sampah sebagai menandakan bermulanya pelancaran Kempen Minggu Kesihatan Kebangsaan yang berlangsung di hadapan Bangunan Goodwood, Jalan Gadong.**





**SEBAHAGIAN dari sukarelawan sedang membersihkan kawasan Jalan Gadong. Manakala gambar bawah ialah sukarelawan-sukarelawan yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan, persatuan-persatuan belia dan kebajikan, badan swasta, firma-firma dan orang perseorangan yang menyertai Kempen tersebut ketika mendengar ucapan perasmian pelancarannya oleh Y.B. Menteri Pelajaran dan Kesihatan.**

## Kempen Minggu Kesihatan besar-besaran seluruh negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kempen kebersihan Minggu Kesihatan Kebangsaan secara besar-besaran bermula di daerah-daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Daerah Belait Ahad lalu. Daerah Temburong memulakan kempen tersebut sehari selepas itu.

Di Tutong, Belait dan Temburong, pegawai-pegawai daerah berkenaan telah merasmikan pelancarannya dan mengetuai Kempen tersebut. Sementara itu, ketua-ketua kampung di seluruh negara semasa kempen itu mengepalai anak-anak buahnya membersihkan kawasan kampung masing-masing. Lebih 1,000 orang menyertai kempen tersebut di tiap-tiap daerah.

Kempen tersebut dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan kebajikan serta pertubuhan-pertubuhan awam. Tema tahun ini 'Jaga Kebersihan Negara Brunei Darussalam — Jangan Mengotor'. Salah satu objektif kempen itu adalah untuk mempastikan rakyat dan penduduk negara ini mencapai matlamat kebersihan untuk semua menjelang tahun 2000.

Menurut setiausaha Kempen Minggu Kesihatan Kebangsaan aktiviti seumpama itu di tahun hadapan adalah diharapkan dikendalikan oleh Jawatankuasa Masyarakat dengan sokongan dan nasihat dari Jabatan-Jabatan Perkhidmatan Perubatan.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 15 FEBRUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK
4.55 THE INCREDIBLE HULK
5.20 DIFFERENT STROKES
5.45 3 2 1 CONTACT
6.00 BERITA AWAL
6.05 3 2 1 CONTACT — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE : "Steele Crazy After All These Years" Annie Carpenter merasa kecewa kerana kehilangan seorang kawan. Murphy yang membuat penyiasatan mendapati kesan-kesan pembunuhan dalam perkara ini. Bantuan siasatan Laura dan Remington menuju penglibatan politik kampus yang radikal beberapa tahun terdahulu.
7.49 AZAN ISYAK
7.54 REMINGTON STEELE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 APANYA KITANI
10.05 ROAD TO WEMBLEY : Portsmouth lwn Southampton
11.05 RANCANGAN KHAS SUMBANGAN DARI NEGARA-NEGARA ASIA SEMPENA HARI KEBANGSAAN.
12.05 TAYANGAN GAMBAR : "Ballad Of Josie" Wyoming, 1890. Seorang janda mengusai ladangnya yang telah usang untuk memelihara binatang ternakannya supaya menimbulkan peperangan di antara penternak-penternak lelaki lain. Pelakon-pelokan: Doris Day, Peter Graves, George Kennedy, Wiliam Tallman, dan lain-lain.
1.20 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 16 FEBRUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4 28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 TAKE HART
6 00 BERITA AWAL
6.05 SISTEM EJAAN BARU (Ulangan)
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 WORLD OF SURVIVAL : "The Greatest"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE A TEAM
7.49 AZAN ISYAK
7.54 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 RANCANGAN KHAS SUMBANGAN DARI NEGARA-NEGARA ASIA SEMPENA HARI KEBANGSAAN.
10.20 HAWAII FIVE-O : "The Sleeper"
11.10 PAUL HOGAN SHOW
11.40 CHICAGO STORY : "Not Quite Paradise" Bhg. 3
12.40 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 17 FEBRUARI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN.

**PETANG**

1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
2.20 BINTANG KECIL SEPARUH AKHIR (Ulangan)
3.05 ROAD RUNNER
3.30 IN SEARCH OF : "In Search Of Siberian Fireball" Pernahkah dunia kita ini mengalami letupan seperti "Atomic bomb" 37 tahun sebelum bom itu dicipta ? Di manakah punca letupan misteri itu ? Hos Leonard Nimoy akan menjawabnya.
4.00 AZAN ASAR
4.03 THUNDERBIRDS
4.30 YOU ASKED FOR IT
4.55 OMNI, THE NEW FRONTIERS
5.20 KONONNYA : "Sang Kencil Dengan Buaya"
5.35 CAPTAIN AMERICA
6.05 ON SAFARI (Episod terakhir)
6.25 TEKA TEPAT
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE PAPER CHASE : "Birthday Party" Siri baru menyambung kisah pergaulan di sebuah maktab undang-undang. Ford hairan melihat Peguam Negara Patterson ke maktab mereka tengah malam itu. Keesokannya mereka dapat tahu Patterson telah memujuk Professor Kingsfield supaya menerima satu lantikan di Supreme Court jika President mencalonkannya.
7.49 AZAN ISYAK
7.54 THE PAPER CHASE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA : "Amanah" Bhg 4.
9.35 RANCANGAN KHAS SUMBANGAN DARI NEGARA-NEGARA ASIA SEMPENA HARI KEBANGSAAN.
10.05 DALLAS : "Letter"
10.55 PAUL ANKA (Tetamu : Smoother Brothers)
11.40 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES (Episod Terakhir)
12.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 18 FEBRUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 GILIGAN'S PLANET
6.05 EDGE OF THE COLD : "The Year Of The King"
6.25 PRIVATE BENJAMIN : "Be All That You Can Be" Kerana ingin menunjukkan dirinya sebagai seorang askar yang cekap kepada Major Allan Pt. Benjamin nyaris maut ketika memperlihatkan kebolehannya.
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 PRIVATE BENJAMIN — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. J. HOOKER : "Second Chance" Hooker berusaha benar dari kebiasaannya untuk menangkap seorang pembunuh. Mungkin Hooker jatuh cinta kepada orang yang akan menjadi mangsa kepada pembunuh itu.
7.49 AZAN ISYAK
7.54 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK : "Roll Daging"
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Pengemis Dan Tukang Beca"
11.05 RANCANGAN KHAS SUMBANGAN DARI NEGARA-NEGARA ASIA SEMPENA HARI KEBANGSAAN.
11.30 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Montana" Seorang penggembala kambing biri-biri yang hendak memindahkan gembalanya menerima tentangan dari penggembala-penggembala yang kaya raya. Pelakon-pelakon : Eroll Flynn, Alexis Smith, James Brown, S. Z. Sakall, dan lain-lain.
1.05 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 19 FEBRUARI

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA.
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 FANGFACE (Episod terakhri)
2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
4.00 AZAN ASAR
4.06 SMURF
4.30 DOC.: AROUND THE WORLD WITH BRIAN ADAMS
5.00 APANYA KITANI (Ulangan)
5.45 SPIDERMAN AND HIS AMAZING FRIENDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 SPIDERMAN — sambungan
6.15 ALICE : "A Night To Remember" Alice dan Flo ingin mencarikan teman hidup untuk Vera sehinggakan membuat urusan-urusan menemukannya dengan beberapa orang "calon". Pada satu hari seperti dirancangkan Alice dan Flo terperanjat apabila menerima panggilan Vera mengatakan dia hendak menikah di Las Vegas.
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 ALICE — Sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON : "Pirate's Key" Bhg. 1 Simon bersaudara menghadapi salah satu penyiasatan rasmi yang pertama dengan tuduhan penipuan insuran yang melibatkan rasuah di peringkat tinggi.
7.49 AZAN ISYAK
7.54 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI DEWAN RAYA
9.20 FORUM
10 20 TEACHERS ONLY
10.50 RANCANGAN KHAS SUMBANGAN DARI NEGARA-NEGARA ASIA SEMPENA HARI KEBANGSAAN.
11.50 ENGLISH DRAMA : "Confession — The Felt Sergeant"
12.40 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 20 FEBRUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TALES OF MAGIC
4 55 CHALLENGE OF THE SUPER-FRIENDS : "Superfriends : Rest In Peace"
5.30 NEPTUNE JOURNALS : "Quest For Phoenician Gold" Bhg. 1
6.00 BERITA AWAL
6.25 TEKA TEPAT
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D. : "Blue Genes"
7.49 AZAN ISYAK
7.53 TRAPPER JOHN M. D. — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 BINTANG KECIL — SEPARUH AKHIR Bhg. 2
9.50 THE COMMANDING SEA
10.40 RANCANGAN KHAS SUMBANGAN DARI NEGARA-NEGARA ASIA SEMPENA HARI KEBANGSAAN.
11.25 BLOOD FEUD Ep. 1 Dipadankan dari kisah benar pertelingkahan di antara Jimmy Hoffa, ketua The Teamsters Union dengan Robert F. Kennedy yang bermula di akhir 50an. Ketika itu Robert Kennedy ialah ketua konsul McClellan Committee dan berakhir sehingga terbunuhnya Robert dalam tahun 1968.
12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 21 FEBRUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE ADVENTURE OF MORPHS
4.45 CANTINFLAS
5.10 BUGS BUNNY SHOW
5.35 NATURE OF THINGS : "Island Of Corai"
6.00 BERITA AWAL
6.05 CAMP WILDNERNESS : "Showbiz"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 CAMP WILDERNESS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY : "Just A Small Circle Of Friends"
7.49 AZAN ISYAK
7.54 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SISTEM EJAAN BARU
9.05 ARENA SUKAN
10.05 DYNASTY "Tender Comrade"
10.55 RANCANGAN KHAS SUMBANGAN DARI NEGARA-NEGARA ASIA SEMPENA HARI KEBANGSAAN.
11.10 TAYANGAN GAMBAR : "Coach of the Year"
12.40 SIARAN TAMAT.

# RANCANGAN TVP—dari 20 hingga 22 Februari 1984

## ISNIN — 20 FEBRUARI

**PAGI**

8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Buah dan Biji Benih) Buah dan biji ada bermacam-macam bentuk, saiz dan warnanya. Buahnya mempunyai lapis luarnya kering dipanggil buah kering dan buah yang mempunyai lapis luarnya (kulit) yang lembut dan berlendair dipanggil buah lendair. Ikutilah rancangan ini bersama-sama Cikgu Hamidoon.
9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (My Sitting Room) Dalam rancangan ini Izat mengajar Jay Jay nama-nama benda yang ada di bilik tamu dan juga mengajar cara-cara menggunakan perkataan-perkataan bahasa pergaulan seharian (everyday social expression). Di Magic Pool mereka nampak perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf 'F'. Bila Izat dan Jay Jay berjumpa Owl, Jay Jay menyuruh Owl bercerita. Ceritanya "Kamal disengat tebuan".

## SELASA — 21 FEBRUARI

**PAGI**

8.50 SAINS UNTUK DARJAH 6 Magnet 3). Rancangan ini adalah sambungan pelajaran Magnet 1 dan Magnet 2. Dalam pelajaran ini murid-murid akan belajar mengenai :

a) Bentuk-bentuk Magnet
b) Sejarah hidup Oersted
c) Penamuan Oersted
d) Letro Magnet.

Dalam pelajaran ini murid-murid akan belajar cara-cara membuat letromagnet iaitu bentuk magnet yang dihasilkan oleh arus letrik.

9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (My Sitting Room)
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Buah dan Biji Benih)

## RABU — 22 FEBRUARI

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Amfibia)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (My Sitting Room)
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Magnet 3).

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Siaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita-berita |
| 8.00 pagi | dalam dan luar negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (tiap-tiap hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 15 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan, 11.30 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Dari Sekolah-sekolah (SU) 4.00—Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Mustika Nilam Bahari siri ke-3), 5.00 — Rampaisari, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.15 — Hiburan Malam.

## HARI KHAMIS 16 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-Lagu Lama.

PETANG: 2.00 — Citra Dalam Syair, 2.30 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yasin, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-Lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 17 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Majalah Radio, 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00—Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan, 3.15 — Diang Dangan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Dendang Remaja, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 Hiburan Malam, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

## HARI SABTU 18 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Pertandingan Bintang Kecil Radio Brunei-Muara — Siri 4.

PETANG: 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan, 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.00—Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 19 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Majalah Radio, 9.30 — Taman Mekar, 10.15 — Drama, 11.00 — Dendang Remaja (SU), 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 1.00 — Permintaan Dua Station.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Hiburan, 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-lagu Lama (SU), 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Parajurit, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 20 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana, 11.30 — Untuk Awda.

T/HARI: 1-30 — Permintaan Hari Isnin,

PETANG: 2.30 — Citra Dalam Syair (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.06 — Rampaian Petang, 4.15— Ruangan Kitani, 4.30 — Rampaian Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Hiburan Malam (SU), 8.30 — Kuliah Ugama (SU), 8.45 — Lagu-lagu Keroncong, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Kutujukan Lagu

## HARI SELASA 21 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Suara Parajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-Lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.30 — Untuk Awda.

T/HARI: 1.30 — Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 —Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Selingan Irama, 8.30 — Drama (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-Sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Talking About Music |
| 8.30 | Hello Tamorrow |
| 9.00 | Popular Classics |
| 9.30 | Classic Half Hour — 2/12. |

### Thursday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme. |
| 8.15 | World Theatre: "As You Like It" by William Shakespeare. (side 3 & 4 of 6) |
| 9.30 | Ella Fitzgerald In Concert. |

### Fridays/Holidays

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Brunei Traditional Music (repeat) |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 567/604. |
| 11.30 | Children's half hour. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | 18th Cambridge Folk Festival — 7/8. |
| 12.45 | My Music — 288/436. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 1.15 | Book Club: Clinging to the Wreckage — 8/10. |
| 1.30 | Break For Music with Malay Traditional Songs 7/13. |
| 1.45 | Sixty-Minute Theatre: "Episode on a Thursday Evening" by Don Haworth. |
| 2.45 | Just For Variety. |
| 4.00 | Chinese Programmes. |
| 8.00 | The World of Books. |
| 8.30 | Up the Belait River Without A Paddle — with guest this week: Bob Rudd. |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | A Date with . . . (repeat) |

### Saturday

P.M.

| | |
|---|---|
| 2.00 | Just For Variety. |
| 3.00 | Gurkhali Programmes. |
| 8.00 | Melody Time. |
| 8.30 | Animal, Vegetable and mineral — 6/30. |
| 9.00 | Strictly Instrumental. |
| 9.30 | Top of The Pops — 1002. |

### Sunday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Brunei Darussalam: "Brunei As A Nation" — 8/8. |
| 11.30 | Practical World. |
| 11.45 | London This Week. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | A Date with...... |
| 12.45 | Review of the Week. |
| 1.00 | Top of The Pops — 1002. (repeat). |
| 1.30 | Weekend Greetings. |
| 2.30 | Brunei Traditional Music. |
| 2.45 | An Educational Feature on Language "Baby Talk" 1/5. |
| 3.30 | Just For Variety. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Brunei Darussalam (repeat) |
| 8.30 | Beautiful Music — 60/60. |
| 8.45 | BBC Science Magazine. |
| 9.30 | Frank Muir Goes Into: "Gloom" — 59. |

### Monday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: "Sunday Voices" by Rod Beacham |
| 8.45 | Neil Richardson Presents — 3/12. |
| 9.30 | A Play On Words — 34. |

### Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You. |
| 9.00 | In Sentimental Mood. |
| 9.30 | Stereo Pop Special: "The Psychedelic Furs" side 2. |

### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle. |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan. |
| 6.32 | Quran and It's translation. |
| 6.45 | Berita Perdana, Patriotic-Song and Brunei in history. |
| 7.30 | Local News, tide times. |
| 7.35 | Brunei's AM (continued). |
| 11.00 | Ladies At Eleven — except Friday and Sunday. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break — except Friday and Sunday. |
| 12.30 | News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 9.15 | News. |

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN PERCHETAKAN

SYARIKAT-syarikat tukang jahit Daerah Brunei dan Muara adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kewangan Negara, Negara Brunei Darussalam tidak lewat 28 Februari, 1984 jam 12.00 tengah hari untuk membekalkan pakaian seragam lelaki dan baju sarung untuk pekerja-pekerja perempuan seperti yang tersebut di bawah ini: —

a. LELAKI:
45 orang pakaian lelaki baju dan seluar panjang.

b. PEREMPUAN:
i. 570 ela Cream Polyster Cotton untuk baju kurung.
ii. 540 ela Biru Kelabu jenis tebal (heavy polyster cotton) untuk kain sarung.

2. Wang cagaran tawaran hendaklah dibayar di Pejabat Kewangan Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu bekerja biasa sehingga hari Sabtu 25 Februari, 1984 jam 2.00 petang sebanyak $200.00 (Dua ratus ringgit sahaja).

3. Cara potongan dan warna dan juga jenis kain bolehlah diperiksa di Jabatan ini pada waktu bekerja dan tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## Tawaran Jabatan Kebajikan Belia Dan Sukan

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Kewangan Negara, Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada hari ISNIN, 5 Mac, 1984 jam 12.00 tengah hari, bagi membekalkan yang seperti berikut: —

MEMBEKALKAN KENDERAAN DENGAN HARGA C.I.F. KE JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penentuan (specification) bagi kenderaan-kenderaan ini bolehlah didapati darpada Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa sahaja waktu Pejabat dibuka.

3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup. Tanda-tanda yang menunjukkan nama-nama penawar jangan sekali-kali ditaruh di atas sampul surat dan sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada: —
Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam,
d/a. Pejabat Kewangan Negara,
Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Sampul surat hendaklah ditanda dengan terang "TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN KENDERAAN UNTUK JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:
i) 10 Units Buses
ii) 4 Units Trucks
iii) 4 Units Station Wagon (4WD).

5. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran-tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar Catalogue (gambar) jenis Kenderaan yang ditawarkan beserta dengan butir-butir berikut: —
i) Tarikh dan masa pembekalan
ii) Harga C.I.F. Negara Brunei Darussalam
iii) Lama dalam jaminan
vi) Lain-lain hal, jika ada.

6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas ataupun yang tidak djalamatkan dengan betul, tidak akan dilayan.

7. Wang cagaran sebanyak $300.00 hendaklah dibayar ke Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa saja waktu Pejabat dibuka.

8. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Brunei bagi: —

KERJA-KERJA MEMAGAR KAWASAN PUSAT PENYELIDIKAN DAN STESEN PERTANIAN KILANAS.

Butir-butir boleh didapati dari Ketua Bahagian Agronomi, Pusat Penyelidikan Pertanian Kilanas (Telefon: 61352/3/4).

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sarung surat yang tertutup tanpa sebarang tanda-tanda yang menunjukkan nama atau alamat pihak menawarkan tetapi hanya dengan perkataan-perkataan: —

SULIT — MEMASANG PAGAR BAGI PUSAT PENYELIDIKAN DAN STESEN PERTANIAN KILANAS — JABATAN PERTANIAN.

tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari, Isnin 5 Mac, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## Tawaran Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei, di alamat Pejabat Kewangan Negara, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin, 27 Februari, 1984, jam 12.00 tengah hari untuk membekalkan alat-alat yang berikut: —

i) Perahu sangkut (panjang) — 3 buah
ii) Enjin sangkut 150 Kuasakuda — 2 buah
iii) Enjin sangkut 85 Kuasakuda — 2 buah
iv) Enjin sangkut 50 Kuasakuda — 2 buah

2. Syarat-syarat, butir-butir dan penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara tersebut boleh dilihat dan diperolehi dari bahagian pentadbiran (tawaran) tingkat pertama, bilik No: 205, di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

3. Wang cagaran tawaran hendaklah dibayar di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan (bahagian kewangan) tingkat pertama, bilik No: 202 pada bila-bila masa waktu bekerja biasa sehingga hari Sabtu, 25 Februari, 1984, jam 3.00 petang seperti berikut: —

i) Wang cagaran untuk perahu sangkut — $100.00
ii) Wang cagaran untuk enjin-enjin sangkut — $200.00

4. Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan dalam sampul surat tertutup (sealed) dengan menyatakan 'TAWARAN BAGI MEMBEKAL PERAHU SANGKUT DAN ENJIN, JABATAN HAL EHWAL UGAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM' tanpa sebarang pengenalan diri pengirim.

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

6. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau tawaran yang difikirkan yang tidak munasabah.

## TAWARAN LEMBAGA KEMAJUAN EKONOMI, BRUNEI

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 20, Februari 1984, bagi membekalkan kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi, Brunei.

SEBUAH STATION WAGON 4 WD 4 CYLINDER PETROL DRIVEN.

2. Butir-butir lanjut mengenai spesifikasi dan syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Lembaga Kemajuan Ekonomi, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu pejabat dibuka.

## Tawaran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

TAWARAN-tawaran dipelawa dari pemborong-pemborong untuk membekal catuan basah dan kering bagi perkhemahan-perkhema h a n ABDB yang tersebut di bawah ini.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, tingkat empat Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00, hari Isnin, 5 Mac, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230, dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga hari Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki bagi tiap-tiap perkhemahan dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

BIL. PROC/R/BER/1984
MEMBEKAL CATUAN BASAH DAN KERING UNTUK PERKHEMAHAN BERAKAS ABDB.
Cagaran: $500.00.

BIL. PROC/R/BOL/1984
MEMBEKAL CATUAN BASAH DAN KERING UNTUK PERKHEMAHAN BOLKIAH ABDB.
Cagaran: $500.00.

BIL. PROC/R/TUT/1984
MEMBEKAL CATUAN BASAH DAN KERING UNTUK PERKHEMAHAN TUTONG ABDB.
Cagaran: $500.00.

BIL. PROC/R/MUR/1984
MEMBEKAL CATUAN BASAH DAN KERING UNTUK PERKHEMAHAN MUARA ABDB.
Cagaran: $500.00.

BIL. PROC/R/TEM/1984
MEMBEKAL CATUAN BASAH DAN KERING UNTUK PERKHEMAHAN TEMBURONG ABDB.
Cagaran: $500.00.

## SEBAGAI POLIS TAMBAHAN (APO)

JAWATAN-tawaran kini terdapat untuk berkhidmat dengan Pasukan Polis Diraja Brunei iaitu sebagai ahli-ahli Polis Tambahan (APO).

2. i) Pemohon adalah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan atau yang mempunyai Kad Pengenalan Merah;
ii) Tinggi tidak kurang daripada 5′-2″;
iii) Umur di antara 18 tahun dan tidak lebih daripada 28 tahun bujang atau kahwin serta mempunyai badan yang sihat;
iv) Kelulusan darjah VI Melayu ataupun Inggeris;
v) Tanggagaji: P1.$480.00-$600.00
Elaun 'P' $100.00.

3. Borang-borang bolehlah didapati di Balai-Balai Polis atau di Ibu Pejabat Polis Diraja Gadong bila-bila masa pejabat dibuka.

## KERJAYA DALAM MUZIK

JAWATAN-jawatan kini terdapat dalam Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei iaitu sebagai ahli-ahli Pancaragam.

2. Syarat-syarat-syarat yang dikehendaki bagi pemohon-pemohon adalah seperti berikut: —
i) Pemohon mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan;
ii) Tinggi tidak kurang daripada 5′-2″.
iii) Umur di antara 18 tahun dan tidak lebih daripada 28 tahun bujang atau kahwin serta mempunyai badan yang sihat;
iv) Kelulusan mestilah darjah VI Melayu ataupun Inggeris tetapi keutamaan akan diberi kepada pemuda-pemuda yang berkelulusan lebih tinggi.

3. Borang-borang bolehlah didapati di Balai-Balai Polis atau di Ibu Pejabat Polis Diraja Gadong bila-bila masa pejabat dibuka.

## JABATAN LAUT, BRUNEI

### KENYATAAN TAWARAN No. 2 TAHUN 1984
### PEMBEKALAN PEMASANGAN DAN PEMBAYARAN BAGI SEBUAH UNIT KRIN PENGOREK PENGANGKAT PRIESTMAN DI ATAS KAPAL PENGOREK "BELANGKAS"

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei sehingga 12.00 tengah hari pada hari Isnin 26 Mac, 1984.

Bagi pembekalan, pemasangan dan pembayaran bagi sebuah unit Priestman Saiz No. 500 Krin Pengorek Pengangkat mengikut spekulasi pengeluar. Krin ini bertenagakan Enjin Diesel General Motors 71 series yang tidak kurang dari 125 Brake Horse Power dan ditempatkan di atas slew ring buatan pengeluar serta perubahan yang bersesuaian untuk dipasang di atas alas meletak krin yang sedia ada di kapal pengorek "Belangkas".

Krin ini akan dilengkapi dengan perkakas tambahan yang berikut: —

1.1 Sebuah alat pengangkat lumpur yang mempunyai dua talian 71/57 kaki isi padu lengkap dengan tali-temali dan sambungan-sambungannya.

1.2 Sebuah alat pengangkat penggali berat Condor-XDR 41/33 kaki isi padu golongan 6:1, lengkap dengan gigi, tali-temali dan sambungan-sambungannya.

1.3 Sebuah alat pengangkat yang mempunyai dua talian Cactus 30 kaki isi padu golongan 5:1 lengkap dengan tali-temali dan sambungan-sambungannya.

1.4 Pengeluar menasihatkan alat-alat ganti -bagi dua tahun operasi bagi (a) krin (b) enjin krin dan (c) ketiga-tiga alat pengangkat yang dirujuk di atas.

2. Harga tawaran termasuklah harga merekabentuk, pengeluaran dan pembekalan bagi sebarang ring asas perantaraan atau perubahan yang dikehendaki untuk mensesuaikan slew ring krin Priestman dengan bahagian atas hujung alas meletak krin yang sedia di kapal pengorek "Belangkas".

3. Harga tawaran termasuklah harga-harga yang berikut: —

3.1 Kebenaran merekabentuk, pengeluaran, pengujian, penyelidikan dan pemeriksaan oleh Lloyd's Register of Shipping mengikut "Code for Lifting Appliances in a Marine Environment" berikutan dengan pengirimannya dari pihak pengeluar.

3.2 Pengawasan penempatan, pemasangan, pembinaan dan pembayaran krin di atas kapal S.H.D. "Belangkas" oleh Jurutera Komisen pihak pengeluar.

3.3 Harga tawaran hendaklah disebutkan bagi penyerahan, harga, insurans dan tambang termasuk (C.I.F. di Pelabuhan Labuan, Sabah, Malaysia Timur.

4. Syarat-syarat pembayaran ialah 75 peratus dari jumlah harga pembelian krin dan peralatan setibanya di Labuan, Sabah, Malaysia Timur dan 25 peratus dari jumlah harga penyelesaian pemasangan dan pembayaran peralatan di atas kapal S.H.D. Belangkas". Cadangkan tarikh penyerahan mestilah ditetapkan di dalam tawaran.

5. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat biasa tertutup tanpa pengenalan nama Pemborong-pemborong di depan sampul surat. Sampul-sampul surat hendaklah ditanda "Tawaran bagi Pembekalan Sebuah Unit Krin Pengorek Pengangkat Priestman".

6. Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

7. Sebarang penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari pejabat Pengarah Jabatan Laut, Bangunan Kastam Diraja, Bandar Seri Begawan.

8. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang sangat rendah.

## SEKOLAH BANGUNAN SULTAN SAIFUL RIJAL, JALAN MUARA, BRUNEI

| Bahagian | Nama Kursus | Kelayakan Masuk | Lama Kursus | Jenis Kursus | Peringkat |
|---|---|---|---|---|---|
| Bata/Concrete | Kursus Pemasangan Batu-bata No. 15, 16 & 17 | Tamat Tingkatan Tiga | 1 tahun | Penuh masa | Kraft |

**Penerangan Umum**

1. Kursus di atas adalah kursus praktikal bentuknya dan setelah tamat enam bulan pertama pelatih-pelatih mungkin dikehendaki untuk bekerja di sesuatu projek luar.
2. Borang-borang permohonan bolehlah didapati dari Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara, atau Bahagian Pelajaran Teknikal, Jabatan Pelajaran, Lapanganterbang Lama, Berakas. Tarikh tutup untuk menghantar borang-borang permohonan ialah hari Rabu 29 Februari, 1984.
3. Pemohon-pemohon yang telah bekerja mestilah memohon melalui Ketua Jabatan masing-masing.
4. Maklumat lanjut mengenai dengan kursus di atas bolehlah didapati dari Pengetua, Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara, Brunei.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TENDER NOTICE — RADIO TELEVISION BRUNEI

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Jabatan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, sehingga hari Isnin, 27 Februari jam 12.00 tengah hari.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh tutup yang dinyatakan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dikirim dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menaruh tanda-tanda atau nama syarikat pembekal di sampul surat tersebut kecuali Bilangan Nombor rujukan (Ref. No.) tawaran sahaja ditulis dengan jelas.
4. Semua tawaran hendaklah menyatakan tarikh-tarikh terakhir pengiriman barng-barang dan jika gagal memenuhi syarat ini maka Pengarah Radio Televisyen Brunei adalah berhak bagi memberhentikan pembeliannya lebih-lebih lagi ianya akan menjejaskan perjalanan operesen RTB.
5. Barang-barang yang tidak dihantar terus kepada Radio Televisyen Brunei dari syarikat Pengeluar/Pembekal luar negeri hendaklah memasukkan cukai import 20 peratus.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam adalah tidak terikat bagi menerima harga tawaran yang paling rendah atau dari sebarang tawaran.

### TENDER No. RTB/01/1984

**AGFA Professional ¼" Audio Recording Tape**

FOR technical reasons RTB has standardised on the specified types of tape for use in Radio, Filming and Television.

The estimated requirement for 1984 is: —

**AGFA PEM 468**

1. Qty 500 — 2400ft. on NAB 10.5in. Metal Spool
2. Qty 2000 — 1200ft. on 7in. Clear Plastic Spool
3. Qty 500 — 600ft. on 5in. Clear Plastic Spool

**AGFA PEM 369**

4. Qty 600 — 900ft. on 5in. Clear Plastic Spool
5. Qty 200 — 1800ft. on 7in. Clear Plastic Spool

All reels are to be individually packed in individual strong, hinged cardboard boxes.

Prices must be quoted C.I.F. unit cost per reel, based on a minimum of 1000 reels per consignment.

### TENDER No. RTB/02/1984

**1in. Professional Audio Mastering Tape — 100 Reels**

Each reel shall contain 2500ft. of high output, low noise tape for multitrack audio recording. Reels shall be 10.5 inch NAB Metal type and each is to be contained in an individual, strong, hinged storage box.

FOR CONSIDERATION TENDERERS MUST SUBMIT FULL SPECIFICATIONS OF THE TAPE OFFERED TOGETHER WITH ONE FULL SAMPLE REEL FOR EVALUATION PURPOSES.

Sample reels should not accompany the tender quotation but should be forwarded directly to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, and should be marked "One Inch Audio Mastering Tape — Sample For Tender Evaluation."

Samples should be forwarded freight prepaid and will be returned to the unsuccessful tenderers if required provided that return freight is paid by the tenderer either on a prepaid or collect basis.

### TENDER No. RTB/03/1984

**16mm Sprocketed Magnetic Audio Recording Tape**

Estimated requirement for 1984 — 1800 Rolls.

Each reel shall contain 1200ft. of high output, low noise tape on a 3" plastic cine core SMPTE 'B' wind.

FOR CONSIDERATION TENDERERS MUST SUBMIT FULL SPECIFICATIONS OF THE TAPE OFFERED TOGETHER WITH ONE FULL SAMPLE REEL FOR EVALUATION PURPOSES.

Sample reels should not accompany the tender quotation but should be forwarded directly to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, and should be marked "16mm Sprocketed Audio Recording Tape — Sample For Tender Evaluation."

Samples should be forwarded freight prepaid and will be returned to the unsuccessful tenderers if required provided that return freight is paid by the tenderer either on a prepaid or collect basis.

### TENDER No. RTB/04/1984

**KODAK Colour Film Stock (16mm 'B' Wind)**

A) SPEED— ASA 125 (STOCK 7240)

1. VNF 455 — CAT. 162 6282 100' Mute — 50 rolls
2. VNF 457 — CAT. 162 7264 400' Mute — 660 rolls
3. VNF 597 — CAT. 162 7942 400' Stripe — 450 rolls
4. VNF 598 — CAT. 162 7967 1200' Stripe — 20 rolls

B) SPEED — ASA 400 (STOCK 7250)

5. VNX 457 — CAT. 121 8882 400' Mute — 450 rolls
6. VNX 597 — CAT. 121 8056 400' Stripe — 660 rolls

Prices must be quoted C.I.F. unit cost per roll, based on a minimum of 500 rolls per consignment.

### TENDER No. RTB/05/1984

**Lamps for Television Studio and O.B. Lighting**

| Item | Make | Type | Spec | Rating | Col. Temp | Qty |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1) | Thorn | CP40 | Quartz | 1000W | 3200 | 30 |
| 2) | Thorn | CP41 | Quartz | 2000W | 3200 | 25 |
| 3) | Thorn | CP29 | Quartz | 5000W | 3200 | 50 |
| 4) | Thorn | CP32 | Quartz | 2500W x 2 | 3200 | 100 |
| 5) | Thorn | CP43 | | 2000W | 3200 | 4 |
| 6) | Thorn | CP54 | Quartz | 10KW | 3200 | 6 |
| 7) | Thorn | P2/12 | Clear | 1250W | 3200 | 600 |
| 8) | Thorn | P2/27 | Clear | 2000W | 3200 | 12 |
| 9) | Thorn | P2/10 | Frost | 625W | 3200 | 120 |
| 10) | Thorn | CSI (99-1422) | | 1000W | 5600 | 66 |
| 11) | Thorn | CSI (99-0221) | | 1000W | 5600 | 6 |
| 12) | G.E. | FCX/120v | MFL | 650W | 3200 | 290 |
| 13) | G.E. | FAY | SP | 650W | 5000 | 290 |
| 14) | WOTAN | HMI (1201540304) | | 4000W | 5600 | 16 |
| 15) | WOTAN | HMI (1201130604) | | 2500W | 5500 | 19 |

### TENDER No. RTB/06/1984

Television Camera Tubes

PHILIPS

| Item | Type number | Estimated Qty 1984 |
|---|---|---|
| 1) | XQ1410 R | 4 |
| 2) | XQ1410 G | 4 |
| 3) | XQ1410 B | 4 |
| 4) | XQ1427 R | 3 |
| 5) | XQ1427 G | 3 |
| 6) | XQ1427 B | 3 |
| 7) | XQ2427 R | 4 |
| 8) | XQ2427 G | 4 |
| 9) | XQ2427 B | 4 |
| 10) | XQ3427 R | 1 |
| 11) | XQ3427 G | 1 |
| 12) | XQ3427 B | 1 |
| E.E.V. | | |
| 13) | P 8136 R | 1 |
| 14) | P 8136 G | 1 |
| 15) | P 8136 B | 1 |

Prices to quoted unit C.I.F. by airfreight based on a minimum consignment of 1 set of three tubes.

## Tawaran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

**Syarat-Syarat Tawaran**

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00, hari Isnin 5 Mac, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depot Logistik, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1400 tiap-Jumaat. Sabtu dan Ahad hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat. Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem. ABDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

**BIL. PROC/T/23/1984**
MEMBEKAL: MILITARY EQPT AND CLOTHING.
Cagaran: $350.00.

**BIL. PROC/T/24/1984**
MEMBEKAL: ALAT-ALAT GANTI KAPAL.
Cagaran: $150.00.

**BIL. PROC/T/25/1984**
MEMBEKAL: FAN CEILING 60".
Cagaran: $200.00.

**BIL. PROC/T/26/1984**
MEMBEKAL: TEST JIGS FOR BASE REPAIR OF RACAL RADIO SET VRM 5080.
Cagaran: $200.00.

**BIL. PROC/T/27/1984**
MEMBEKAL: PARACHUTE EQUIPMENT SPARES AND ACCESSORIES.
Cagaran: $500.00.

**BIL. PROC/T/28/1984**
MEMBEKAL: LAND ROVER SPARES.
Cagaran: $150.00.

**BIL. PROC/T/29/1984**
MEMBEKAL: SURVIVAL EQUIPMENT FOR AIR WING.
Cagaran: $500.00.

**BIL. PROC/T/30/1984**
MEMBEKAL: DINGHY SPARES.
Cagaran: $200.00.

**BIL. PROC/T/31/1984**
MEMBEKAL: FOOD CONTAINERS INSULATED (NORWEGIAN).
Cagaran: $200.00.

**BIL. PROC/T/32/1984**
MEMBEKAL: DOCK-MASTER LIFTS.
Cagaran $250.00.

**BIL. PROC/T/33/1984**
MEMBEKAL: CUPLOCK SPARES.
Cagaran: $200.00.

**BIL. PROC/T/34/1984**
MEMBEKALKAN: ATA TARGET SYSTEM.
Cagaran $250.00.

**BIL. PROC/T/35/1984**
MEMBEKAL: MORCOS MORTER COMPUTING SYSTEM.
Cagaran: $500.00.

**BIL. PROC/T/36/1984**
MEMBEKAL: DRAEGER DAMAGE CONTROL BREATHING APPARATUS.
Cagaran: $500.00.

**BIL. PROC/T/37/1984**
MEMBEKALKAN: ALAT GANTI LOUDHAILER
Cagaran: $100.00.

**BIL. PROC/T/38/1984**
MEMBEKALKAN: FIRE FIGHTING CLOTHING
Cagaran: $150.00.

**BIL. PROC/T/39/1984**
MEMBEKALKAN: AFC OVERALLS.
Cagaran: $300.00.

**BIL. PROC/T/40/1984**
MEMBEKALKAN: THORN LIGHTNING SPARES.
Cagaran: $150.00.

## TAWARAN J.K.R. KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: NO. KB. 4 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN SAMBUNGAN JALAN RAYA (JALAN PANDAN LIMA) KUALA BELAIT"

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 20 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $300.00.

### BIL: NO. KB. 5 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN LONGKANG R.C. SEPANJANG JALAN CAREY SEBELAH SELATAN DARI BATU 1 HINGGA KE PADANG K.B.R.C. KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 20 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $600.00.

### BIL: NO. KB. 6 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "PENGALIAN KERJA-KERJA KE ATAS SALURAN NAJIS BESAR DAN SALURAN NAJIS LUAR DI SEKELILING BANGUNAN DEWAN DAN PUSTAKA, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Rabu 22 Februari, 1984.

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE

No. 5/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the Office of the State Financial Officer, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on Monday 5th. March, 1984 for the Supply and Delivery of the following Spare Parts for Brunei Fire Brigade as stated below: —

1. Spare parts for portable Pumps: —
   Model a. G.P.F.
   b. G.P.A.
   c. G.P.C.
   d. P.F.P.
2. Breathing Apparatus
   Types a. Siebe Gorman set
   b. Dreager Set.

2. The supplier is required to supply for the period of two years from the date of approval.
3. Tenderers are requested to forwad their catalogue and specifications for the above spare parts with their quotations and tenders. All prices quoted to be in Brunei currency CIF Brunei.
4. Further specifications and details of the Spare Parts List may be obtained from the Senior Staff Offficer Fire Brigade Headquarters Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Date of delivery to be stated.
6. Tenders received after the above stated time and date will be rejected.
7. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "Tenders for the Supply and Delivery of Spare Parts" and should be addressed to the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. The name of the tenderer must not be written on the envelope.
8. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest of any tender received.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

SUPPLY OF ESSEX SEALPIC FF TELEPHONE CABLE

TENDERS are invited from the manufacturer or accredited agents for the supply of Essex Sealpic FF Telephone Cable.

Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday, 5th March, 1984.

Conditions of tender and quantities required can be obtained from the office of The Director of Telecommunications, 1st Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam on payment of a deposit of $100 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a valid tender.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JABATAN PERKHIDMATAN POS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### KENYATAAN TAWARAN 1984

### TAWARAN MEMBUAT PAKAIAN-PAKAIAN SERAGAM UNTUK KAKITANGAN JABATAN PERKHIDMATAN POS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK TAHUN 1984

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan menghantar tawaran untuk membekalkan pakaian seragam bagi kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos, Negara Brunei Darussalam untuk tahun 1984 untuk semua Pejabat Pos Daerah: Bandar Seri Begawan, Muara, Kuala Belait, Seria, Tutong dan Temburong.

2. Semua tawaran beserta dengan contoh-contoh kain hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan dengan dimasukkan dalam sampul surat berdaftar dan diseal. Sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBUAT PAKAIAN-PAKAIAN SERAGAM BAGI KAKITANGAN JABATAN PERKHIDMATAN POS, BRUNEI UNTUK TAHUN 1984" sahaja tanpa membubuh nama pengirim.

3. Semua tawaran hendaklah disampaikan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran tidak lewat dari hari Isnin 2 April, 1984 jam 12.00 tengah hari dan tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang dinyatakan itu tidak akan dilayan.

4. Keperluan permulaan lebih kurang seperti berikut: —
Posmen/Posmen Tingkat Khas/Posmen Tingkat I/Posmen Tingkat II/Tukang Kayu/Tukang Cat/Pembersih Pejabat
100 x 2 = 200 pasang baju panjang tangan
100 x 1 = 100 pasang baju pendek tangan
JUMLAH = 300 pasang.

5. Pemborong adalah dikehendaki menyatakan jangka masa penyiapannya.

6. Tawaran akan juga digunakan untuk bekalan pakaian seragam sepanjang tahun 1984.

7. Pemborong yang berjaya adalah dikehendaki mengambil sukatan di semua pejabat pos daerah. Bentuk potongan, jenis-jenis kain dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Pejabat Pos Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

8. Kerajaan tidak terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.

## TAWARAN PEJABAT DAERAH TUTONG

TAWARAN akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Empat, Bangunan Tambahan Baru Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari pada hari Isnin 27 Februari, 1984 untuk: —

MEMBEKALKAN SATU (1) BUAH WHEEL BACKHOE — LOADER

2. Tawaran yang terlewat dari tarikh ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak membubuh tanda atau nama pengirim di luarnya. Di penjuru sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis "TAWARAN JABATAN DAERAH TUTONG WHEEL BACKHOE LOADER."

4. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan seperti alamat di atas.

5. Penentuan tawaran (specification) boleh diperolehi daripada Pejabat Daerah dengan bayaran cagaran $500.00. Cagaran akan dibayar balik kepada tawaran-tawaran yang tidak berjaya.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

---

TAWARAN akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Empat, Bangunan Tambahan Baru Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari pada hari Isnin 27 Februari, 1984 untuk: —

MEMBEKALKAN SATU (1) BUAH TRAK TANGKI AIR MUATAN 1600 GALLON

2. Tawaran yang terlewat dari tarikh ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak membubuh tanda atau nama pengirim di luarnya. Di penjuru sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis "TAWARAN JABATAN DAERAH TUTONG TRAK TANGKI AIR MUATAN 1600 GALLON."

4. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan seperti alamat di atas.

5. Penentuan tawaran (specification) boleh diperolehi daripada Pejabat Daerah dengan bayaran cagaran $500.00. Cagaran akan dibayar balik kepada tawaran-tawaran yang tidak berjaya.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: 21 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN SATU BLOK RUMAH PANGSA KELAS E DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA BAGI SEKOLAH MELAYU BENGKURONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 20 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 22 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: "MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU CRUSHER-RUN KE JALAN UKONG - BUKIT DAERAH TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 20 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $1,000.00.

### BIL: 23 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU CRUSHER-RUN KE JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN BARU PEJABAT KERJA RAYA DI KAMPONG SINARUBAI DAERAH BRUNEI/MUARA"

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 20 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: 24 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk

PROJEK: "CADANGAN KERJA-KERJA TAMBAHAN KEPADA SEKOLAH RENDAH DI JALAN KUALA ABANG, KIUDANG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Akitek Ibrahim, 201 Cnandrawaseh Complex, Batu 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 27 Februari, 1984.
Cagarann tawaran: $200.00 + $100.00 (Lukisan).

### BIL: 25 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan ke atas untuk:

PROJEK: CADANGAN 11KV SUBSTATION BAGI JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LETRIK DI KAWASAN DEWAN MAJLIS/LAPAU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Akitek Ibrahim, 201 Chandrawaseh Complex Batu 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 20 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 26 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD/414/0401
PEMBINAAN PERUMAHAN KAKITANGAN PEGAWAI DAERAH DI BANGAR, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 27 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 27 TAHUN 1984

TAWARAN tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL084
MEMASANG PAGAR KESELAMATAN UNTUK KAWASAN SEKOLAH MELAYU PUSAR ULAK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 27 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 28 TAHUN 1984

TAWARAN tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL080 & 84AB/PEL087
MEMASANG PAGAR KESELAMATAN UNTUK KAWASAN SEKOLAH PERSEDIAAN INGGERIS MABOHAI DAN SEKOLAH MELAYU SUNGAI HANCING, B. S. B., NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 27 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 29 TAHUN 1984

TAWARAN tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL081
MEMASANG PAGAR KESELAMATAN UNTUK KAWASAN SEKOLAH MELAYU DATO MAHAWANGSA LAMBAK, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 27 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 30 TAHUN 1984

TAWARAN tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AW/002
MEMASANG PAIP AIR 8" A.C. SEPANJANG JALAN SUNGAI AKAR (JALAN BARU) SIMPANG JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 27 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 31 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AW/002
MEMASANG PAIP AIR 6" A.C. KAMPONG KAPOK BATU 15 JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 27 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 32 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK:
MEMAGAR SEMULA KAWASAN PERUMAHAN CONSULTANT SETINGGI 6 KAKI DI JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 27 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### PEMBERITAHUAN TAWARAN

**BIL. PPL/03/1984**

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN PEJABAT-PEJABAT DI JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS.

Tarikh tutup: 20 Februari, 1984, jam 12.00 tengah hari.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Tukang Kayu Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG KAYU TINGKAT II di Jabatan Muzium, Brunei.

**Tanggagaji :**
F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur 18 hingga 45 tahun dan telah tamat sekurang-kurangnya Darjah V Melayu atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi mempunyai pengalaman 3 tahun dalam kerja-kerja pertukangan kayu akan juga dipertimbangkan.

**Pengalaman :**
Calon-calon yang berjaya akan bertugas menjalankan kerja-kerja pertukangan kayu di Muzium Brunei, Kota Batu.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh Tutup : 14 Mach, 1984.

( Bil. Iklan : 18/1984 )

( E/169/78 )

## TAWARAN-TAWARAN YANG BERJAYA

1 Kontrak JUA 58; Kerja ukur tambahan di Kg Rimba — Truebridge Callender Beach — $37,700 — 8 minggu.
2 Pemasangan elektrik di khutub-khanah dsb, — Progress Elec Co — $29,256.
3 Pemasangan elektrik di rumah pangsa kelas E, Sekolah Menengah Bangar — Friendly Elec Co — $134,025.
4 Pemasangan elektrik di Maktab SOAS — Friendly Elec Co — $97,954.
5 Pemasangan elektrik di Sekolah SMJA — New Union Elec Co — $51,051.
6 Pemasangan elektrik di STPRI — New Union Elec Co — $53,659.80.
7 Membekal masking tapes (67/83) — Ben Ka Sdn Bhd — $25,800.
8 Mengangkut barang untuk tahun 1984/84 — Polly Transport — $25.12 setan.
9 Membekal langsir bagi Adat Istiadat—Homecare Limited — $17,000.
10 Membekal 3,000 helai samping (55/83) — Brown Hill Traders — $96,000.
11 Membekal perkakas pengepam air kotor bagi Jabatan Perpindahan — Mahkota Enterprise — $54,497.
12 Perkhidmatan pemeliharaan dsb di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei — IAL — $2,563,216.
13 Membina lanting untuk klinik-klinik di Kg Lurong Dalam dan Kg Sg Kebun — Syarikat Amas — $132,406.20 — 5 bulan.

---

1 Membekal alat hawa dingin bagi ABDB — Homecare Ltd — $26,875.
2 Membekal mesin pembuat perabot — Aw Tengah Hassip — $51,538 — 6 minggu.
3 Membina garaj dsb di Sekolah Ugama PAP Norain — Abdullah Construction Co — $28,480 — 4 minggu.
4 Membaharui Tempat Tahanan Jerudong — Fas Const Co — $137,529.50 — 16 minggu.
5 Membina balai raya di Kampong Menengah — Chieng Hock Kock & Bros — $173,349 — 6 bulan.
6 Sekolah Melayu Putat — Hj Abd Ghani Hj Tengah — $988,146 — 12 bulan.
7 Membekal papan-papan tanda/grafik ke Penanjong Kem — Kik Enterprise — $18,615 — 1½ bulan.
8 Kontrak No 18 — Bekalan Air KB — Daelim Industrial Co — $14,590,000 — 3 bulan.
9 Mengurus kantin Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha — Hj Mohd Hussain Hj Abd Rahman — $1,800 sebulan.
10 Membekal station wagon/landcruiser ke Jabatan Pelajaran — NBT (Brunei) Ltd (sebuah landcruiser Toyota 6-cylinder, 4230 cc — $21,282.69.
11 Membekal sebuah perahu ke Pejabat Daerah Belait — Perusahaan Seri Melati — $8,900.
12 Membekal 4000 batang cangkul — Ben-Ka Co — $30,000.

---

1 Pemasangan elektrik untuk SM Lumut — Wang Kim Sui Elec — $25,039.
2 Pemasangan alat hawa dingan untuk Ibu Pejabat Pasukan Bomba — Fairland Air Cond & Eng — $153,590 — 22 minggu.
3 Pemasangan elektrik untuk flat kelas F di SM Panaga — Yong Bros Air Cond & Elec Co — $65,991.
4 Membekal power boom sprayer (53/83) bagi Polis Diraja — First Worldwide Marketing Co Pte Ltd — $20,550.
5 Mengadakan insuran untuk tahun 1984 bagi Pejabat Stor Kerajaan — Equity Insurance Services Ltd — 0.525% untuk nilai yang berjumlah $3 juta.
6 Membekal lampu 'Thorn' (63/83), bagi ABDB — East Holdings Ltd — $22,075.18.
7 Membekal batu-batu pecah ke Subok-Manggis — Syarikat Perusahaan Brunei — $673,200 — 12 bulan.
8 Membina longkang konkrit 18″ dsb untuk meninggikan taraf Jalan Lapangan Terbang Lama — FAS Const Co — $83,702 — 3 bulan.
9 Membina sebuah padang bola sepak di Kg Mata-Mata — Pembinaan Matahari Terbit — $144,957.20 (import & Export) — 4 bulan.

## PEGAWAI BERTAULIAH JANGKA PENDEK TENTERA LAUT ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI mempelawa Pemuda-Pemuda Negara Brunei Darussalam untuk memasuki satu kerjaya yang mencabar lagi mulia sebagai Pegawai Bertauliah Jangka Pendek di dalam Tentera Laut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Tentera Laut ini sedang berkembang dan memerlukan anak-anak muda untuk dilatih sebagai pegawai-pegawai tentera laut dalam bidang keahlian seperti jurusan Pegawai Memerintah Kapal.

2. Angkatan ini percaya Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan dalam awal bulan April 1984. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak lewat dari hari Sabtu 3 Mac, 1984.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut :

a. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada orang-orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

g. Jika Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah berugama Islam dan mensesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taraf kebangsaan.

c. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran GCE peringkat 'O' atau kelulusan yang sebanding dengannya dan hendaklah lulus dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab. Calon-calon yang lulus dalam Ilmu Sains dan mata-mata pelajaran yang lain atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.

d. Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara 17½ hingga 25 tahun pada 30 April, 1984.

e. Tinggi sekurang-kurang 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.

3 Jika Awang terpilih sebagai calon Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Tentera Laut, Awang akan menjalani latihan asas tentera tidak kurang selama 8 minggu di Pusat Latihan, Perkhemahan Bolkiah dan diikuti dengan kursus Pegawai Kadet di Maktab Tentera Laut Diraja Britannia, Dartmouth di United Kingdom. Setelah tamat berkursus Awang akan menerima tauliah sebagai Leftenan Muda di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

4. Borang-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapat daripada :

a. Pegawai Pengambilan Pasukan
Pusat Latihan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkiah
Bandar Seri Begawan
Telefon : 30531 samb: 111 atau 112.

b. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Bandaran
Bandar Seri Begawan.

c. Pusat Pengambilan ABDB
Bilik Bacaan
Tutong.

d. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Kemasyarakatan
Kuala Belait.

e. Pejabat Pengambilan ABDB
Bangar
Temburong.

5. Dan untuk kemudahan-kemudahan perhubungan sila berikan nombor telefon Awang-Awang dalam permohonan Awang-Aawang.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA, BRUNEI

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat pada hari Isnin, 27 Februari 1984 untuk 'MEMBEKALKAN LAND CRUISER BAGI JABATAN HAL EHWAL UGAMA, BRUNEI' :—

a) Land Cruiser 4WD — 1 unit.

2. Wang deposit mengenai perkara tersebut sebanyak $200.00 (dua ratus ringgit sahaja) hendaklah dibayar di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, bahagian Kewangan Tingkat I, bilik No: 202 pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka sehingga pada hari Sabtu, 25 Februari 1984, jam 3.00 petang.

3 Syarikat-syarikat yang berhajat untuk menghantar tawaran mereka (selain jenis yang dikehendaki) adalah diminta memberikan jenis kenderaan, menyertakan katalog jika ada dan butir-butir yang berikut hendaklah dinyatakan dalam tawaran masing-masing :—

i) Tarikh sampai ke Brunei;
ii) Harga sebuah termasuk cukai masuk (CIF) ke Brunei;
iii) Alat-Alat iringan (accessories) diberikan;
iv) Lama dalam jaminan; dan
v) Lain-lain hal jika ada.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah/murah atau sebarang tawaran mengenainya.

## Sebagai Tukang Kebun

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG KEBUN di Jabatan Telekom, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji :** F.1-2-3 EB. 4 — $350-$520 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun.

b) Pemohon-pemohon yang lebih dari 45 tahun yang sedang berkhidmat sebagai Tukang Kebun di Jabatan-Jabatan Kerajaan bergaji hari akan juga dipertimbangkan.

c) Keutamaan akan diberi kepada mereka yang berkhidmat dengan Jabatan Telekom.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.
Tarikh tutup : 29 Februari, 1984.

( E/72/80 )

( Bilangan iklan : 11/1984 ).

## CIVIL AVIATION DEPARTMENT TENDER NOTICE

TENDERS are invited to bid for the lease of the following floor space at the Brunei International Airport:

TWO OPEN FLOOR SPACE OF APPROXIMATELY 27 SQUARE FEET EACH FOR CAR HIRE FACILITIES.

2. Tenders should quote proposed rent per month.

3. Successful tenderers are required to arrange for the provision of telephones on the premises and to pay all rental and other charges relating thereto.

4. The contract will be for a period of two years renewable biennial by open tender.

5. Tenders must be contained in plain and sealed envelope and addressed to the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam and clearly marked:

"CAR HIRE FACILITIES AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT"

and placed in the Tenders Box situated outside the office of the State Financial Officer on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 20 February, 1984.

6. The Govenment of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Tawaran Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara

### No. 6/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 5 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF FLAG, BRUNEI STATE WOOL. SIZE 3′ x 6′.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 7/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 5 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF GALVANISED CONTINOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BSS 1387/1967 CLASS MEDIUM SCREWED AND SOCKETED ENDS IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BS: 21 UNSOCKETED TO BE SUITABLY PROTECTED AGAINST DAMAGED.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 8/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 5 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF POLISHING CLOTH, COTTON SIZE: 20″ x 24″.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 9/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 5 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF ROUND BAR, MILD STEEL BRIGHT BERMACAM ENIS UKURAN.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.





KEBAWAH D.Y.M.M Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menerima Surat Tauliah Lantikan dari Duta Besar Indonesia, T.Y.T. Awang Zuwir Djamal (kiri) dan Duta Besar Korea Selatan, T.Y.T. Awang Choi Bae Shik.

# D.Y.M.M. berkenan terima Surat Tauliah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima 'Surat Tauliah Perlantikan' bagi Tuan Yang Terutama Awang Zuwir Djamal, Duta Besar Republik Indonesia dan Tuan Yang Terutama Awang Choi Bae Shik, Duta Besar Korea Selatan ke negara ini. Istiadat tersebut telah berlangsung di Istana Darul Hana pada petang hari Isnin lepas.

Selepas Istiadat menyembahkan surat Tauliah Perlantikan, kedua-dua Duta Besar tersebut telah mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di pertuan Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu sebelum istiadat menyembahkan surat Tauliah kedua-dua Duta Besar tersebut telah menerima Tabik Hormat daripada seramai 32 orang Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang diketuai oleh Lt Taha bin Hj. Yusof.

# 'Malas tah ku ingau' perlu dikikis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sikap 'MALAS TAH KU INGAU' dan 'INDA APA, ORANG LAIN LAGI ADA' yang terdapat pada sebilangan ahli-ahli Syarikat Kerjasama perlulah dikikis dan digantikan dengan 'SUMBANGANKU ADALAH PENTING, WALAUPUN SEKUBIT' sesuai dengan era baru yang penuh cabaran.

Pesuruhjaya Jabatan Kemajuan Kerjasama, Awang Mahmud bin Haji Bakyr menyerukan demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Khas (Tergempar) Syarikat Kerjasama Pegawai-Pegawai Rendah Kerajaan Brunei Dengan Tanggungan Berhad pada pagi hari Khamis 2 Februari lepas di Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill di sini.

Hal itu, kata beliau lagi perlulah diambil perhatian oleh ahli-ahli Syarikat Kerjasama Pegawai-Pegawai Rendah Kerajaan Brunei yang mana syarikat mereka akan merancang beberapa projek yang setentunya memerlukan 'commitment' mereka.

Sikap tidak pemadulian terhadap 'kesihatan' syarikat yang dapat dibuktikan terutama apabila diadakan Mesyuarat Agung Tahunan di mana yang hadir tidak mencukupi koram ¼ dari keramaian ahli; perlulah diperbaiki.

Menyentuh mengenai projek syarikat di Unit 22, Bangunan Letak Kereta Bertingkat nanti, Awang Mahmud sekali lagi mengingatkan ahli-ahli syarikat tentang perlunya 'purchasing power' atau 'kuasa membeli' mereka dipergunakan bagi menjamin syarikat mereka mencapai kejayaan.

Sementara itu Pengerusi Majlis hari itu, Awang Momin bin Ahmad dalam ucapan alu-aluannya antara lain menekankan perlunya kerjasama yang erat dari ahli-ahli dalam memajukan syarikat.

Di samping itu, beliau dan ahli-ahli Jawatankuasa juga menyerukan agar ahli-ahli akan terus-menerus membeli di kedai syarikat sebaik-baik saja ia memulakan perniagaan di unit yang ditawarkan yang mana 'kulihalnya' sedikit sebanyak akan dapat dinikmati mereka, tidak sepertimana jika mereka membeli di kedai-kedai biasa.

Selain itu ahli-ahli juga diharapkan akan sama-sama mempertanggungjawabkan dengan ikhlas dan jujur demi kemajuan dan kejayaan kedai syarikat itu nanti.

Selanjutnya beliau menyatakan setakat ini pihak syarikat telah meluluskan dua Cawangan iaitu Cawangan Perkhidmatan Kenderaan dan Pengangkutan; dan Skim Tanah dan Perumahan.

Kedua-dua cawangan itu, katanya, telah membentuk Jawatankuasa Kecilnya.

Oleh itu ahli-ahli syarikat adalah dialu-alukan membeli saham cawangan yang disebutkan.

Mesyuarat pagi itu antara lain telah membincangkan tempat Kedai Syarikat di Unit 22, Bangunan Letak Kereta Bertingkat yang telah ditawarkan oleh Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan; Skim Tanah dan Perumahan dan Cawangan Perkhidmatan Kenderaan dan Pengangkutan.

# Pegang jawatan Setiausaha Kedua

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Muharram bin Piah seorang Pegawai di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah ditempatkan di Suruhanjaya Tinggi Brunei di Malaysia untuk bertugas sebagai Setiausaha Kedua.

Beliau berlepas ke Kuala Lumpur pada hari Sabtu lepas bersama isteri dan tiga orang anaknya.

Awang Muharram mendapat pendidikan tertinggi dari Universiti Lancaster, England. Sebelum memegang jawatan di Kementerian tersebut beliau adalah seorang Pegawai Pelajaran Ugama di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

# TIDAK ADA KEJAYAAN DENGAN JALAN PENDEK

BERAKAS. — Yang Berhormat Menteri Pembangunan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib menyatakan, tidak ada kejayaan yang boleh dicapai dengan jalan pendek (short cut) jika sekiranya tidak disertai dengan usaha yang bersungguh-sungguh.

Menteri itu berkata, adalah perlu bagi sesebuah syarikat melipatgandakan usahasama dengan kumpulan usahawan-usahawan bumiputra yang lain untuk membangun bangsa dan negara.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan berucap demikian di majlis ramah-mesra Syarikat Kerjasama Pemborong-Pemborong Bumiputra di Dewan Cafetaria Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada malam Ahad lepas.

Kita, kata Yang Berhormat, sama-sama menyedari bahawa tanggungjawab hidup dalam bernegara semakin mencabar dari masa ke semasa dan kumpulan-kumpulan usahawan mempunyai peranan penting terhadap arus pembangunan melalui bidang-bidang yang diceburi.

Di samping mempunyai azam dan tekad yang baru untuk pembangunan jelas Yang Berhormat, peniaga dan pengusaha Melayu hendaklah sentiasa memelihara disiplin diri masing-masing bagi meninggikan mutu kerja serta mengungkayahkan kepentingan pihak pengguna dan menjauhkan diri dari sifat-sifat dengki-mendengki antara satu dengan yang lain.

Dalam pada itu Yang Berhormat mensyorkan usahawan-usahawan merenung matlamat syarikat di masa lalu yang mana dengan cara sedemikian akan dapat mengetahui sejauh mana kejayaan telah dicapai di samping mengesan kelemahan-kelemahan yang lalu.

Bidang usahawan ini, tegas Yang Berhormat, berbagai bentuk masalah akan dihadapi dan melibatkan pihak-pihak tertentu untuk menyelesaikannya. Sehubungan dengan itu, terangnya, para pengusaha hendaklah bijak membuat rundingan penyelesaian dengan mana-mana pihak, agar nanti apa juga keputusannya tidak akan merugikan mana-mana pihak.

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, tidak kendur-kendur berusaha membantu peniaga-peniaga dalam jurusan yang terdaya," jelas Yang Berhormat.

Menteri Pembangunan Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman seterusnya menyatakan bahawa Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya telah mengambil berbagai langkah yang antara lain memberikan latihan asas pemborong-pemborong, di mana tenaga-tenaga penggeraknya adalah terdiri daripada syarikat-syarikat.

Terdahulu dari itu Pengerusi Syarikat Kerjasama Pemborong Bumiputra Awg. Hj Tengah bin Hashim telah berucap dengan menyatakan tujuan utama penubuhan syarikat tersebut ialah untuk menyatu-padukan pemborong serta berkerjasama bagi membantu menjalankan bidang usahawan masing-masing.

Majlis pada malam itu dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dan Perwakilan-Perwakilan Shell, Bank, dan lain-lain Syarikat yang berdaftar, serta kira-kira 60 ahli-ahli syarikat telah menghadirinya.

# Brunei jadi ahli SEAMEO

Dari muka 1

sains dan kebudayaan demi untuk memajukan penghormatan terhadap keadilan, terhadap kedaulatan undang-undang dan hak-hak kemanusiaan dan kebebasan-kebebasan asasi yang menjadi tempat-tempat lahir penduduk-penduduk dunia.

(2) Untuk melaksanakan tujuan ini Pertubuhan tersebut akan :

(a) Bekerjasama dalam kerja memajukan pengetahuan bersama dan bersefahaman penduduk-penduduk Asia Tenggara dan juga penduduk-penduduk lain di dunia ;

(b) Memajukan dan berkerjasama dengan Negara-Negara Ahli, atas permintaan mereka, dalam projek-projek dan rancangan-rancangan bersama yang mendatangkan faedah bersama mengenai pelajaran, sains dan kebudayaan dan membantu ahli-ahli pada memajukan kegiatan-kegiatan pelajaran;

(c) Menyelanggara, menambah dan menyebarkan ilmu pengetahuan;

(d) Membantu pada menjelaskan pelajaran ke arah pencapaian matlamat-matlamat ekonomi dan sosial dalam Negara-Negara Ahli individu.

(3) Dengan maksud untuk mengekalkan kemerdekaan, keutuhan dan kepelbagaian yang berfaedah terhadap kebudayaan-kebudayaan dan sistem-sistem pelajaran Negara-Negara Ahli, Pertubuhan tersebut adalah ditegah daripada campur tangan dalam perkara-perkara yang pada asasnya di dalam bidang kuasa dalam negara mereka.

Pertubuhan ini juga mempunyai beberapa buah pusat yang tertentu bagi mengendalikan bantuan-bantuan teknikal serta kerjasama di antara negara-negara yang telah menjadi ahli-ahli yang pada masa ini telah pun meliputi lapan buah negara dan tiga buah ahli-ahli bersekutu.

# Menteri Pelajaran hadiri persidangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah bertolak ke Singapura petang semalam dalam perjalanannya ke Bangkok untuk menghadiri Persidangan Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara.

Persidangan yang diadakan di Pattaya itu bermula pada hari ini dan membincangkan kemasukkan Negara Brunei Darussalam ke dalam pertubuhan tersebut.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan diiringi oleh tiga orang pegawai kanan Kerajaan. Mereka ialah Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Abd. Razak bin Haji Mohammad, Ketua Pegawai Pelajaran Ugama Awang Haji Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abd. Rahim dan Pegawai Pentadbir di Pejabat Kementerian Pelajaran dan Kesihatan Awang Mohd. Adnan bin Buntar.

Dari muka 1

Bangunan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolqiah Kampong Kilanas ini telah mula digunakan sejak bulan Ogos tahun lepas. Bangunan sekolah ini mengandungi 3 blok, yang dilengkapi bilik-bilik Pentadbiran Guru Besar pagi dan petang, bilik rehat guru-guru penolong, bilik-bilik darjah dan lain-lain.

Sebelum pembukaan rasmi bangunan sekolah ini dikenali dengan nama "Sekolah Ugama Bangunan Baru Kampong Kilanas", dengan menempatkan murid-murid dari Sekolah Ugama Bunut dan Sekolah Ugama Bangunan Sementara Kampong Kilanas.

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN DAN DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BRUNEI